

No. Ked.: 85 NT

No Perolehan: 7-0189

Tarikh: 18 MAR 1986

PERANAN WANITA LUAR BANDAR
DALAM SOSIO - EKONOMI

oleh

NOREHAN MD NOR

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI
1985/86

Muka Surat

KANDUNGAN	i
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi
SENARAI JADUAL	viii
PETA	29 & 30

i	BAB 1 : PENDAHULUAN	1
	1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian	1
	1.2 Kaedah Kajian	5
	1.3 Kesulitan Dalam Penyelidikan	7
	1.4 Latarbelakang Kawasan Kajian	10
	1.5 Konsep dan Teori	21
ii	BAB 2 : WANITA, KELUARGA DAN RUMAH TANGGA	31
	2.1 Peranan Wanita Sebagai Isteri	32
	2.2 Hubungan Isteri Dengan Suami	38
	2.3 Hak Dan Tanggungjawab Wanita Sebagai Ibu	39
	2.4 Lain-lain Hak Dan Tanggungjawab Wanita Di Dalam Keluarga	43
	2.5 Pandangan Dan Sikap Masyarakat Terhadap Peranan Wanita Sebagai Suri Rumah	46
iii	BAB 3 : KEGIATAN WANITA DALAM EKONOMI MASYARAKAT DESA	48
	3.1 Wanita Sebagai Pekerja Keluarga Yang Tidak Bergaji	49
	3.2 Wanita Sebagai Pekerja Bergaji Dan Buruh Upahan	65

3.3	Kemudahan Kredit Tidak Formal Di Kalangan Wanita	68
	3.3.1 Pinjaman Secara Kutu	71
	3.3.2 Sistem Belian Kutu	73
	3.3.3 Belian Melalui 'Party' (Jamuan)	74
	3.3.4 Lain-lain Jenis Kredit	75
iv	BAB 4 : KEGIATAN WANITA DI PERINGKAT KOMUNITI	79
	4.1 Organisasi Formal	79
	4.1.1 Politik	80
	4.1.2 Persatuan-persatuan	83
	4.1.3 Tabung Khairat Kematian	84
	4.1.4 Pertubuhan Belia	85
	4.1.5 Lain-lain Persatuan	86
	4.1.6 Kelas KEMAS Dan PWPK	87
	4.2 Organisasi Tidak Formal	90
	4.2.1 Kenduri-kendara	90
	4.2.2 Gotong-royong	91
	4.2.3 Kegiatan-kegiatan Agama	92
	4.3 Konflik Antara Wanita	
v	BAB 5 : RUMUSAN	98
	5.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Peranan Wanita	98

5.1.1 Taraf Ekonomi Suami	98
5.1.2 Umur Responden	100
5.1.3 Umur Anak-anak	101
5.1.4 Saiz Keluarga	102
5.1.5 Pelajaran	102
5.1.6 Status Perkahwinan	104
5.1.7 Sikap Dan Pandangan Suami	105
5.1.8 Sikap Dan Pandangan Masyarakat	105
5.2 Kesimpulan	107
BIBLIOGRAFI	111

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih terutama untuk penyelia Latihan Ilmiah ini, Profesor Madya Dr. Azizah Kassim. Beliaulah yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan panduan serta nasihat sehingga siapnya penulisan ini.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam penulisan ini:

- i Encik Abdullah, Penolong Pegawai Daerah Jelebu serta kakitangannya.
- ii Ketua Kampung dan semua responden yang terlibat di dalam kajian ini.
- iii Teman-teman serumah dan seperjuangan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- iv Cik Haslina bt. Taplil yang telah menaipkan penulisan ini.

Kepada semua yang memberi perhatian dan segala sumbangan untuk Latihan Ilmiah ini akan tetap dihargai semoga Allah membala segala

jasa baik yang diberikan. Amin.

170, Kampung Sungai Buloh
72400 Durian Tapis
Negeri Sembilan.

8hb. Januari 1986

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini memberi penekanan kepada kedudukan dan peranan kaum wanita Melayu luar bandar hari ini. Pengkaji memberi panduan kepada golongan wanita yang berumahtangga. Atau lebih khusus lagi peranan mereka dilihat dari kedudukan mereka dalam keluarga extended. Ini kerana sebilangan besar wanita berumahtangga di tempat kajian ini termasuk dalam golongan tersebut.

Dalam Bab I pengkaji mengemukakan pendahuluan serba ringkas mengenai kajian ini. Ini termasuklah tujuan dan bidang kajian, kaedah-kaedah yang digunakan serta beberapa kesulitan yang dihadapi semasa menjalankan penyelidikan ini. Bab ini seterusnya memberi serba sedikit latarbelakang kawasan kajian serta konsep dan teori yang digunakan untuk dihubungkaitkan dengan masalah kajian.

Bab II melihat peranan dan kedudukan wanita sebagai isteri dan ibu dalam keluarga dan rumahtangga. Bagaimana hubungan mereka dengan lain-lain anggota keluarga serta pandangan dari sikap masyarakat terhadap peranan mereka sebagai suri rumahtangga.

Seterusnya dalam Bab III, penekanan dikhususkan pada penglibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi. Antara aspek yang diutamakan ialah peranan mereka sebagai pembekal tenaga buruh keluarga yang utama atau dengan kata lain sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji.

Di samping itu mereka juga berperanan sebagai pekerja bergaji dan buruh upahan. Lain-lain aktiviti ekonomi yang melibatkan wanita ialah kemudahan sistem kredit tidak formal yang penting dalam proses jualbeli di kalangan mereka yang rata-rata berpendapatan rendah.

Bab IV pula meninjau kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat yang dianggotainya. Aktiviti-aktiviti yang terlibat termasuklah kegiatan berpersatuan seperti kelas KEMAS dan PWPK, parti politik (UMNO), PIBG dan lain-lain organisasi formal. Selain dari itu organisasi tidak formal juga adalah penting seperti kenduri-kendara, gotong-royong dan sebagainya. Yang penting di sini ialah bagaimana mereka membahagikan masa dan mengatur aktiviti harian sebagai seorang suri rumah tangga dalam masa yang sama bergiat dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Seterusnya melalui pergaulan yang lebih luas dalam komuniti, sedikit sebanyak menimbulkan konflik di antara mereka.

Sebagai rumusan, Bab V menekankan faktor-faktor pendorong dan penghalang aktiviti seseorang wanita seperti taraf ekonomi suami dan keluarga, umur, pelajaran dan sebagainya berasaskan masyarakat yang dikaji. Kemudian dibuat kesimpulan berdasarkan kajian dan penyelidikan yang lepas sama ada oleh pengkaji tempatan mahu pun pengkaji-pengkaji Barat yang berhubung dengan aspek penyelidikan ini. Sekian.

SENARAI JADUAL

Jadual 1	:	Pola Pekerjaan	18
Jadual 2	:	Pola-pola Keluarga	32
Jadual 3	:	Pembahagian Kerja Antara Jantina Dalam Proses Bersawah Padi	53
Jadual 4	:	Pemilikan Harta Dalam Rumah	70
Jadual 5	:	Penyertaan Responden Dalam Parti-parti Politik	81
Jadual 6	:	Pendapatan Bulanan Keluarga Responden	100
Jadual 7	:	Purata Umur Responden	102
Jadual 8	:	Taraf Pelajaran Responden Dan Suami	105

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Penyelidikan ini sebenarnya adalah sebahagian dari kajian yang lebih besar iaitu 'Projek Kajian Kemiskinan di Malaysia'. Projek ini dijalankan di bawah pengawasan Institiut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.

Tujuan utama projek ini ialah untuk mengumpul sebanyak maklumat yang boleh mengenai masalah kemiskinan. Pertamanya ia cuba melihat keadaan dan struktur kemiskinan bagi seluruh negara merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Keduanya, cuba menganalisa segala punca kemiskinan dan memahami semua hubungannya dengan faktor-faktor kebudayaan, struktur masyarakat dan sejarah yang telah mempengaruhinya.

Bagaimanapun, pengkaji telah mengkhususkan tujuan dan bidang kajiannya untuk melihat peranan wanita luar bandar dalam bidang sosio-ekonomi, khususnya di kalangan masyarakat petani dan pekebun kecil getah. Dari penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji cuba mengaplikasikan beberapa pendapat ataupun teori golongan pengkaji luar (barat) dalam memperkatakan peranan wanita ini.

Ramai orang menganggap bahawa wanita hanya sesuai menjalankan kerja-kerja dalam lingkungan rumah tangga sahaja. Wanita dikatakan terikat dengan tugas-tugas biologinya sebagai isteri dan ibu yang

mengurus rumah tangga dan mengasuh anak-anak. Sumbangan wanita seperti ini sering diperkecilkan walaupun sehari suntuk mereka dibebankan dengan tugas-tugas di rumah yang tak pernah habis dan menuntut kesabaran yang bukan sedikit.

Di sinilah pengkaji akan cuba memaparkan sumbangan sebenar kaum wanita tersebut. Dengan kajian ini pengkaji menguji sejauh mana benarnya pendapat yang mengatakan wanita itu sentiasa berada di bawah lingkungan 'private', sementara lelaki menguasai ruang 'public'. Kesimpulan dari kajian akan diberi di akhir penulisan ini setelah melihat tugas dan peranan yang dimainkan oleh kedua pihak, lelaki dan perempuan.

Tumpuan utama diberi kepada peranan wanita yang banyak membantu tugas-tugas lelaki yang secara tidak langsung meringankan beban tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga. Kaum wanita biasanya dianggap sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji. Keadaan ini lebih mudah dilihat di kawasan luar bandar. Kedudukan wanita sebagai tenaga buruh kepada keluarga adalah satu fenomena biasa bagi masyarakat tersebut. Bila melakukan satu-satu kerja yang tidak menerima apa-apa ganjaran yang berbentuk wang terutamanya, tugas-tugas ini sering dipandang rendah dan tidak diberi nilaiann yang sewajarnya. Jadi tidak hairanlah kerja-kerja wanita sebagai tenaga buruh kepada keluarga terutama dalam proses pengeluaran pertanian hanya dianggap tugas-tugas

'biasa'. Sama seperti tugas mereka menguruskan rumah tangga.

Golongan tersebut ialah wanita-wanita yang telah berkahwin. Mereka lah yang banyak memainkan peranan sama ada di dalam mahu pun di luar rumah tangga. Penekanan akan diberi kepada bidang-bidang sosial dan ekonomi di mana penglibatan wanita begitu ketara sekali.

Pengkaji akan cuba menghuraikan mengapa peranan wanita dianggap 'biasa' saja, tidak diberi nilai yang tinggi seperti tugas-tugas yang dilakukan oleh kaum lelaki. Seterusnya, mengapa wanita terikat dengan tugas-tugas dalam rumah tangga, kepada fungsi biologinya. Pengkaji akan cuba mencari faktor-faktor yang terus-terusan mengikat wanita dalam ruang 'private'. Dan, bagaimana mereka berusaha melepaskan diri dari ruang lingkup tersebut. Atau dalam masa yang sama mereka juga melakukan aktiviti yang dilakukan oleh lelaki dalam ruang yang lebih luas iaitu ruang 'public'. Dengan kata lain wanita tersebut memainkan 'dwi-peranan'. Jadi tentulah mereka terpaksa menghadapi banyak cabaran untuk melaksanakan kedua-dua tugas tersebut dengan berkesan dalam satu masa. Sedangkan kaum lelaki hanya terlibat sepenuh masa dengan tugas-tugas yang mengutamakan status mereka sebagai ketua keluarga.

Seterusnya akan dilihat keadaan-keadaan yang bagaimanakah yang membataskan dan menghalang penglibatan wanita tersebut yang akhirnya terus mengikat mereka dalam ruang 'private'. Misalnya, bagaimana taraf ekonomi seseorang wanita itu atau taraf ekonomi keluarganya mempengaruhi peranannya sebagai suri rumah?

Memang tidak dapat dinafikan wanita terlibat secara langsung untuk menjamin pengekalan hidup manusia. Kerana itulah tidak dapat tiada, peranan biologi tetap memberi kesan yang paling utama dalam hubungan sosial mereka di luar lingkungan rumahtangga. Persoalannya di sini ialah, mengapa dalam masyarakat kampung atau luar bandar, wanitanya masih terus terikat dengan tugas tradisi mereka jika dibandingkan dengan kaum wanita di bandar-bandar? Mereka terus menjadi 'proletariate', bekerja untuk kepentingan lelaki sahaja.

Oleh itu pengkaji membuat andaian, bahawa di dalam masyarakat petani luar bandar, pembahagian kerja antara jantina adalah tidak begitu ketara dan dalam masa yang sama wanita masih kekal dengan tugas-tugas 'domestic' di ruang 'private'.

Kajian ini tidak mungkin mewakili kesemua kaum wanita namun begitu adalah diharapkan hasil tulisan ini akan memberi gambaran tentang peranan sebenar wanita dalam masyarakat tani. Bagaimana kedudukannya dalam masyarakat? Dan, apa pula pandangan masyarakat terhadap diri mereka dalam konteks rumahtangga, pendidikan anak-anak dan hal-hal yang berkait dengannya?

1.2 KAEDAH KAJIAN

Kajian kes ini telah dilakukan selama sebulan setengah.

Oleh kerana pengkaji menjalankan kajian di kampung pengkaji sendiri, pengetahuan tentang latarbelakang kawasan kajian memang telah sedia ada. Bagaimanapun, untuk mendapatkan data-data yang lengkap, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah penyelidikan yang utama iaitu:-

- a. Soal selidik
- b. Temuduga/temubual
- c. Penyertaan-pemerhatian

a. Soal selidik

Oleh kerana soal selidik disediakan oleh pihak lain seperti yang telah disebutkan, maka pengkaji terpaksa menokok-tambah beberapa soalan yang berhubung dengan tajuk latihan ilmiah yang telah pengkaji pilih. Seramai 50 orang responden telah dipilih secara rawak untuk menjawab soalan-soalan yang telah disediakan.

b. Temuduga/temubual

Untuk mendapatkan beberapa maklumat tambahan dan memahaminya, pengkaji menggunakan kaedah temuduga atau temubual ini. Malahan untuk mengisi borang-borang soal selidik, pengkaji juga menggunakan cara ini.

Di antara responden-responden tertentu yang terlibat dengan penggunaan kaedah ini ialah penolong Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung, Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK), dan beberapa orang lagi yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Di samping soal selidik yang digunakan, pengkaji telah secara tidak langsung menguji kesahihan beberapa maklumat tertentu menggunakan kaedah ini.

c. Penyertaan-pemerhatian

Sebagai penduduk kampung tersebut, pengkaji secara langsung telah 'turut serta dan memerhati' untuk melengkapkan perolehan maklumat dan data-data serta pemahaman tentang keadaan yang sebenar di dalam masyarakat tersebut.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah pengkaji sertai ialah kelas KEMAS iaitu gubahan, jahitan dan masakan; kenduri kendara, sembahyang berjemaah di surau serta mengikuti kelas agama setiap petang Jumaat dan beberapa aktiviti lain lagi.

Selain dari kaedah-kaedah di atas, pengkaji juga melakukan penyelidikan perpustakaan untuk mendapatkan gambaran umum tentang tajuk yang telah dipilih.

1.3 KESULITAN DALAM PENYELIDIKAN

Satu masalah besar yang dihadapi ialah sambutan penduduk kampung terhadap penyelidikan ini. Rata-rata mereka telah bosan dengan berbagai bentuk kajian yang telah dijalankan di sini. Pada anggapan mereka, penyelidikan dan kajian tersebut tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada mereka. Ia hanya memberi faedah kepada pengkaji sahaja dan seterusnya berpendapat mereka telah digunakan untuk kepentingan kajian dan penyelidikan.

Sebab itu ada yang menjawab sambil lewa sahaja. Malahan ada yang tidak mahu langsung ditemubual dan mengeluarkan kata-kata yang kurang manis kepada pengkaji. Dalam kes seperti ini pengkaji terpaksa mencari responden yang lain.

Semasa kajian ini dibuat, penduduk kampung sedang sibuk ke sawah untuk memulakan musim menuai. Oleh itu agak sukar untuk pengkaji menemui responden yang telah dipilih. Pagi-pagi lagi mereka turun ke sawah. Mereka berada di rumah dalam jangkamasa yang terhad saja iaitu waktu petang (hampir senja) dan malam.

Walaupun ada di antara mereka yang mempunyai anak kecil, anak-anak dibawa sekali ke bendang. Hanya beberapa orang pada waktu pagi kerana anak-anak yang terlalu kecil, yang dapat ditemui sewaktu pengkaji berkunjung ke rumah mereka. Pernah beberapa kali pengkaji

mendapatkan rumah yang kosong bagi responden yang sama. Jadi, waktu untuk menemubual responden begitu terhad. Walaupun terbatas, pengkaji tidak mengganggu mereka dengan berkunjung di waktu malam; kerana hanya inilah waktu bagi mereka untuk berihat dan bersama keluarga.

Untuk itu pengkaji terpaksa membuat temujanji dengan responden. Cara ini juga menimbulkan masalah, misalnya ada responden yang mungkir janji dan tiada kerjasama dari responden dengan alasan alasan tertentu. Tetapi ada yang memberikan kerjasama sepenuhnya dan memahami kesulitan di pihak pengkaji. Tambahan pula mereka memang mengenali pengkaji.

Hubungan rapat di antara pengkaji dengan responden sememangnya banyak memberi kelebihan kepada pengkaji. Tetapi dalam masa yang sama ia juga menimbulkan kesulitan-kesulitan tertentu seperti pengkaji atau responden segan untuk bertanya atau menjawab beberapa soalan yang menyentuh tentang latarbelakang keluarga, pendapatan dan sebagainya.

Ada juga responden yang tidak mahu memberikan angka-angka yang tepat tentang perbelanjaan, pendapatan, simpanan dan lain-lain lagi. Malahan ada yang menjawab "Tidak tahu", "Adalah sedikit..." dan berbagai jawapan yang samar-samar yakni tidak tepat.

Kesulitan lain yang timbul ialah ada yang menganggap pengkaji sebagai saluran untuk mendapatkan bantuan kerajaan atau tempat untuk menyampaikan rasa tidak puashati. Misalnya mereka merungut kerana upah membajak yang mahal atau terlalu tinggi sementara harga padi pula agak rendah.

Terdapat juga responden yang tidak faham dengan tujuan pengkaji menjalankan penyelidikan dan beberapa soalan yang dikemukakan. Ini memerlukan masa yang lama untuk pengkaji menerangkan satu persatu dan berulangkali.

Selain dari itu, terdapat juga sebilangan kecil responden yang kurang daya ingatan dan pandangan. Oleh itu maklumat-maklumat tentang biodata banyak yang tidak lengkap.

Ada kalanya sewaktu pengkaji menemubual seseorang responden, jiran-jiran atau anak-anak mereka sendiri membantu memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan, timbul jawapan yang berbagai. Untuk mengatasinya, pengkaji terpaksa menguji kesahihannya berulangkali sewaktu menemuduga. Ini juga memakan masa yang agak lama.

Pengkaji juga sukar untuk mendapatkan data-data yang lengkap tentang kampung tersebut. Terutamanya tentang keluasan kawasan kampung, kawasan pertanian, kawasan petempatan dan lain-lain lagi. Pihak Pejabat Daerah sendiri tidak mempunyai data-data yang

lengkap mengenai perkara tersebut. Begitu juga dengan peta kawasan kampung, langsung tidak ada.

Satu lagi kesulitan yang pengkaji hadapi ialah berhubung dengan borang soal selidik. Oleh kerana ia disediakan oleh pihak lain, banyak soalan yang tidak menepati tajuk yang telah pengkaji pilih. Dengan itu pengkaji terpaksa menokok-tambah di mana perlu dan sesuai untuk kepentingan penyelidikan pengkaji sendiri. Sementara itu dalam masa yang sama pengkaji terpaksa juga mengemukakan soalan-soalan yang tidak ada kaitan dengan tujuan penyelidikan pengkaji.

1.4 LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kajian kes ini telah dijalankan di kampung pengkaji sendiri. Kampung Sungai Buluh, terletak di dalam Mukin Triang Hilir dalam Daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Ia terletak berhampiran sempadan di antara Negeri Sembilan dan Pahang. Secara relatifnya kampung ini agak jauh dari bandar-bandar utama di Negeri Sembilan terutamanya Seremban iaitu pusat pentadbiran kerajaan negeri. Jaraknya ialah 96 kilometer dari Seremban dan 57 kilometer dari pusat pentadbiran Daerah Jelebu, Kuala Kelawang. Dari bandaraya Kuala Lumpur pula kira-kira 160 kilometer atau memakan masa tiga jam perjalanan dengan kereta.

Kampung ini termasuk di dalam Projek Negeri Sembilan Timur. Tujuan utama projek ini ialah untuk menseimbangkan kadar penduduk dan pembangunan bagi seluruh Negeri Sembilan iaitu di antara Negeri Sembilan Timur dan Negeri Sembilan Barat (Port Dickson dan Seremban).

Mengikut Banci 1983¹, jumlah penduduk ialah seramai 1,300 orang dengan jumlah rumah sebanyak 210 buah.

Ditinjau dari sudut sejarah, kampung Sungai Buluh merupakan sebuah kampung baru iaitu kawasan penempatan semula hasil dari Rancangan Briggs - 1948. Rancangan ini bertujuan untuk memindahkan penduduk yang tinggal di kawasan terpencil atau pendalaman ke satu kawasan penempatan yang dikepung dan dikawal untuk mengelakkan daripada ancaman komunis.

Kampung ini mendapat namanya sewaktu ia mula-mula dibuka. Sebagai satu kawasan penempatan baru, tentulah banyak hasil hutannya lagi seperti rotan, damar dan buluh terutamanya. Rumpun-rumpun buluh ini banyak terdapat di sepanjang dua batang sungai iaitu Sungai Triang dan Sungai Jerang. Sungai-sungai ini merupakan sempadan atau pembahagi yang memisahkannya dengan kampung yang berhampiran dalam mukim yang sama. Jadi, 'sungai' dan 'buluh' disatukan dan dipersetujui oleh majoriti penduduk kampung untuk menamakan

tempat tinggal mereka yang baru itu sebagai Kampung Baru Sungai Buluh.

Penduduk awal kampung ini berasal dari kampung-kampung tradisional yang terletak berhampiran dan bersebelahan. Ia termasuklah Kampung Bemban, Kampung Jerang dan Kampung Mentaus. Dengan bertambahnya pembukaan tanah-tanah baru, lebih ramai lagi penghijrah datang 'menebus'² dari daerah luar seperti Kuala Pilah, Kuala Kelawang, Seremban, Rembau dan lain-lain lagi malahan ramai juga di antara mereka yang datang dari negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor dan Pahang terutamanya.

Dari segi ilmu alam pula, ia dikelilingi oleh dua batang sungai iaitu Sungai Triang dan Sungai Jerang. Kedua sungai inilah yang mengairkan kawasan pertanian. Tanah pamah di pinggir Sungai Triang adalah tanah pertanian yang subur. Di sinilah aktiviti pertanian yang utama dijalankan seperti tanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran serta penternakan lembu-kerbau. Tanah yang subur dan sistem pengairan yang baik memberi banyak keuntungan dan rahmat kepada para petani di kampung ini.

Jenis tanah dikelaskan kepada kawasan pertanian dan kawasan penempatan. Kawasan penempatan terletak di kawasan yang agak tinggi dan dikelilingi oleh kawasan pertanian. Terdapat juga

para petani dari kampung bersebelahan seperti Kampung Simpang Durian dan Kampung Sabun yang menyewa tanah pertanian terutama tanah sawah untuk penanaman padi.

a. Kemudahan-kemudahan Asas

Kampung ini mula menikmati bekalan elektrik sejak tahun 1970 dan dua tahun kemudian disusuli dengan bekalan air paip. Lain-lain kemudahan yang ada ialah jalanraya bertar. Ia dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan dikenali sebagai 'Jalan Pegawai Daerah'. Dengan adanya jalanraya sebagai alat perhubungan yang utama, penduduk kampung dapat memasarkan hasil pertanian dengan cepat dan luas.

Di antara kemudahan-kemudahan lain ialah pondok polis, sebuah masjid dan surau, balairaya, telefon awam, sekolah rendah, kilang padi, unit kesihatan, pejabat pos dan perpustakaan bergerak.

Bagaimanapun tidak terdapat sistem pengangkutan awam yang melalui kampung ini. Pondok perhentian bas yang terdekat ialah sejauh 3 kilometer. Ia terletak di Kampung Simpang Durian. Jalanraya utama yang menghubungkannya dengan tempat-tempat lain ialah jalanraya yang menghubungkan Negeri Sembilan dan Pahang iaitu laluan Kuala Pilah - Mancis. Inilah satu-satunya jalan keluar masuk ke kampung ini.

Walaupun terletak di dalam daerah Jelabu, penduduk kampung lebih kerap berulang-alik ke Kuala Pilah untuk membeli-belah atau mengambil wang pencen setiap bulan, dari pergi ke Kuala Kelawang. Jarak di antara kedua pekan ini dengan kampung pengkaji adalah sama tetapi penduduk di sini lebih suka ke Kuala Pilah kerana keadaan jalanraya ke Kuala Kelawang tidak begitu baik. Jalannya bengkang-bengkok, dan untuk ke sana mereka terpaksa dua kali salin bas. Ini sudah tentu memakan masa yang lama.

Perjalanan dengan bas ke Kuala Pilah mengambil masa 75 minit dan hampir sejam jika menggunakan kereta. Perkhidmatan bas ini ialah tiap-tiap 60 minit sekali. Apabila lebuhraya Genting Peras siap kelak, yang akan menghubungkan Kajang dan Kuala Kelawang akan mendekatkan lagi daerah Jelebu dengan bandaraya Kuala Lumpur. Projek ini sebenarnya bertujuan untuk meningkatkan pembangunan di kawasan sekitarnya, Jelebu khususnya.

Satu lagi kemudahan asas yang penting ialah sekolah. Sebuah sekolah menengah untuk Mukim Triang Hilir didirikan di kampung Simpang Durian iaitu lebih kurang 3 kilometer jaraknya. Di sinilah sebilangan besar anak-anak penduduk kampung di sekitarnya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Tidak ada perkhidmatan bas untuk kemudahan para pelajar, oleh sebab itu basikal merupakan pengangkutan utama untuk ke sekolah.

Bagi keluarga yang mampu, mereka lebih suka menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah yang berasrama di Kuala Pilah, Kuala Kelawang, Bahau dan Seremban. Menurut ibu bapa tersebut kadar pencapaian para pelajar di Sekolah Menengah Triang Hilir tidak begitu memuaskan. Oleh itu mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang lebih untuk menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah di bandar supaya lebih terdedah kepada suasana belajar yang lebih mencabar dan banyak persaingan.

Berbanding dengan di kampung, persaingan hanya di kalangan rakan-rakan sekampung. Tambahan pula bila tinggal di asrama, lebih banyak masa untuk mereka menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

Untuk kemudahan membeli-belah terutama barang keperluan harian, terdapat 4 buah kedai runcit dan 2 kedai kopi yang semuanya dimiliki dan diusahakan oleh penduduk kampung ini. Bagaimanapun, pekan kecil Simpang Durian tetap menjadi tumpuan utama kerana semua barang keperluan ada dijual dan lebih banyak pilihan dapat dibuat.

Selain dari itu, terdapat sebuah Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) yang diselenggarakan oleh KEMAS. Guru TABIKA dan pembantunya adalah penduduk kampung sendiri. Sembutan penduduk terhadap projek ini agak menggalakkan. Sewaktu pengkaji membuat tinjauan, terdapat 16 orang kanak-kanak yang dihantar oleh ibu

bapa masing-masing untuk mendapat pendidikan awal dan secara tidak langsung untuk diawasi ketika ibu-ibu mereka sibuk dengan urusan rumah tangga di waktu pagi.

b. Sosio-Politik

Kampung Sungai Buluh berada di bawah bidang kuasa Pegawai Daerah Jelebu dari segi pentadbiran. Dan, di bawah naungan Undang Luak Jelebu dari aspek tadbiran Adat Perpatih. Kampung ini terletak di dalam kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri kawasan Pertang dan kawasan Parlimen Jelebu.

Sejak sebelum merdeka lagi, para penduduk merupakan penyokong dan pengundi setia UMNO. Walau bagaimanapun sejak akhir-akhir ini pengaruh parti PAS sudah mula mendapat tempat. Jadi, buat masa ini hanya terdapat dua pergerakan parti politik yang mendapat perhatian mereka iaitu UMNO dan PAS.

Terdapat beberapa pertubuhan sosial ditubuhkan di sini seperti pergerakan belia dan persatuan Tabung Khairat Kematian. Khairat Kematian ini khusus untuk memberi bantuan kepada ahli-ahninya apabila salah seorang dari anggota keluarga meninggal dunia. Bantuan yang diberi berupa bantuan kewangan. (keterangan lanjut Bab 4).

Menyentuh tentang pergerakan belia, ia tidaklah aktif di tahun-tahun kebelakangan ini. Hal ini disebabkan oleh kekurangan ahli dan pemimpin yang berwibawa. Pengkaji tidak dapat menemui dan menemubual ketua pergerakan ini dan beberapa orang ahli jawatankuasanya kerana mereka tidak tinggal tetap di sini dan bekerja di luar kawasan kampung. Jadi tidaklah dapat diberikan gambaran yang tepat tentang pertubuhan ini.

Keadaan ini juga dikaitkan dengan faktor penghijrahan belia ke bandar-bandar. Kekurangan tenaga belia di kampung ini berlaku kerana penghijrahan mereka ke Seremban dan Kuala Lumpur terutamanya. Mereka berhijrah untuk mencari peluang pekerjaan dan menempuh pengalaman baru. Tambahan pula dipengaruhi oleh media massa seperti televisyen, radio, suratkhabar, lebih-lebih lagi pengaruh dari rakan-rakan yang lebih dulu berhijrah. Sebab itulah pergerakan belianya "hidup segan mati tak mahu".

c. Ekonomi

Majoriti penduduk kampung terlibat di dalam aktiviti pertanian. Di antara aktiviti pertanian yang dijalankan ialah menoreh getah, bersawah padi, menanam buah-buahan dan sayur-sayuran. Baru-baru ini terdapat juga usaha menanam koko dilakukan di tanah-tanah sawah yang kering yakni tidak sesuai lagi ditanam padi.

Berdasarkan kajian dan penyelidikan yang dijalankan melalui projek Delsilife (1980-1984), pola pekerjaan penduduk di Kampung Sungai Buluh adalah seperti berikut:-

Jenis Pekerjaan	Peratus (%)
Penoreh Cetah	45.4
Sawah Padi	63.4
Buruh Upahan	20.3
Tanam Pisang	11.9
Kebun Sayur	3.5
Berniaga	1.5
Buah-buahan	1.5
Tukang Kayu	1.0

Jadual 1: Pola Pekerjaan.

Sumber : Laporan Akhir Projek Delsilife (1984).

Selain dari yang disenaraikan di atas, lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk di sini ialah buruh ladang, pemandu teksi, guru, pekerja sekolah dan lain-lain kerja sampingan seperti menternak lembu, kerbau, kambing dan ayam itik.

Menoreh getah adalah mata pencarian terpenting bagi penduduk di sini diikuti dengan usaha menanam padi. Selain dari itu ada juga usaha menanam pisang, berkebun sayur dan buah-buahan. Oleh kerana ketiadaan pengkhususan, pendapatan para petani bergantung kepada sumber yang berbagai.

Kampung Sungai Buluh sebenarnya bukanlah sebuah kampung yang luas. Jadi, kebun-kebun getah tidak semuanya terletak di dalam kawasan kampung. Ia didapati berselerak di sekitar kampung yang berdekatan, di Mentaus, Lakai, Seberang Triang dan Bemban di dalam Mukim Triang Hilir khususnya.

90% responden yang ditemui, memiliki tanah getah sama ada tanah kepunyaan sendiri di tanam getah atau Rancangan Tanah Pinggir dan Rancangan Tanah Belia. Jumlah keseluruhan kebun-kebun getah kepunyaan penduduk kampung ialah 446 ekar. Dari jumlah tersebut, 162 ekar darinya terletak di kampung ini sendiri dan selebihnya di luar kawasan kampung. Kawasan tanaman getah ini boleh dikelaskan kepada kawasan tanam semula, getah muda dan getah yang sedang mengeluarkan hasil.

Padi pula adalah tanaman makanan yang utama. Jadi tidak hairanlah kalau ia merupakan pengeluar padi terbesar di daerah Jelebu. Suatu waktu dulu, empat atau lima tahun lalu, kawasan penanaman

tidak begitu luas kerana banyak terdapat busut-busut kecil di samping lubuk atau bahagian sawah yang agak dalam. Kemudian satu langkah diambil dengan menghentikan penanaman padi untuk pembinaan talair bersimen dan meratakan busut serta menimbus bahagian sawah yang dalam tadi. Sesudah selesai projek tersebut, kawasan penanam padi menjadi lebih luas. Dengan adanya benih-benih baru yang boleh mengeluarkan hasil lebih cepat (3 bulan), penanaman padi dua musim setahun telah dijalankan dan menambah pendapatan penduduk menerusi aktiviti ini. Penanaman padi di sini bukan hanya untuk kegunaan sendiri sahaja bahkan untuk jualan juga. Terdapat sebilangan kecil pemuda kampung ini yang menanam padi semata-mata untuk jualan dan mereka boleh mendapat hasil hingga mencapai \$2,000 untuk semusim.

Keluasan kawasan padi ialah 182 hektar atau 450 ekar. Lebih 65% dari jumlah ini diusahakan dan selebihnya terbiar begitu saja ditumbuhinya semak-semun. Jabatan Pertanian ada bercadang untuk menanam sama ada kelapa sawit atau koko secara berkelompok di atas tanah tersebut. Tetapi masih belum dapat dilaksanakan kerana tidak dapat menghubungi dan meminta persetujuan tuan-tuan tanah yang telah berhijrah ke tempat lain.

Selain dari aktiviti pertanian, ada juga di antara mereka yang bergantung hidup kepada wang pcoen sendiri atau pcoen suami yang telah meninggal atau pemberian wang dari anak-anak setiap bulan.

1.5 KONSEP DAN TEORI

Di dalam memperkatakan pembahagian tugas di antara jantina, Rosaldo (1974, hal. 23) memberikan dua ruang lingkup yang menetapkan tugas-tugas di antara lelaki dan perempuan. Ketetapan itu dibuat berdasarkan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan. Beliau menggunakan orientasi 'domestic' untuk wanita dan 'public' untuk lelaki. Seterusnya beliau memberi definisi 'domestic' itu seperti berikut:-

"Domestic refers to those minimal institution and modes of activity that are organized immediately around one or more mothers and their children".

(Rosaldo, 1974:23)

'Domestic sphere' ini khususkan kepada kaum wanita dengan segala urusan yang berkait dengan rumah tangga dan anak-anak. Semen-tara 'public sphere' pula diertikan oleh beliau sebagai berikut:

"'Public' refers to activities, institutions, and forms of association that link, rank, organize, or subsume particular mother-child groups".

(Rosaldo, 1974:23)

Faktor utama yang menyebabkan wanita tetap tinggal dalam ruang 'domestic' ialah faktor biologi. Wanita memang tidak dapat lari dari peranan seorang ibu dan isteri. Kepada mereka diperlukan tanggungjawabkan dalam menentukan proses pembesaran anak-anak sama seperti haiwan-haiwan lain. Dari dilahirkan sehingga boleh berdiri setinggi dua kaki: terpulanglah kepada ibu untuk memeliharanya, menjaga makan pakainya dan lebih-lebih lagi belaian dan kasih sayang seorang ibu. Seseorang bayi manusia memerlukan jagaan dan perhatian yang paling lama dari seorang ibu jika dibandingkan dengan haiwan lain. Oleh sebab itulah wanita terus menerus menjalankan peranan dalam lingkungan 'domestic'.

Lama kelamaan ia menjadi sistem atau salah satu dari aspek budaya dan peraturan hidup manusia. Kemudian diiktiraf melalui agama dan tatasusila, seterusnya diiktiraf secara tidak bertulis menjadi norma-norma masyarakat.

Pihak lelaki pula lebih bebas berada di ruang 'public' kerana tidak adanya ikatan yang panjang secara emosi atau lain-lain tugas pembesaran anak. Maka lebih banyak masa terluang untuk memungkinkan mereka keluar dari alam rumah tangga dan seterusnya melibatkan diri di dalam persatuan, pertubuhan dan sebagainya.

Di dalam masyarakat pra industri, peranan dan tugas yang dilakukan oleh kaum wanita sering dianggap sebagai 'feminine activity'. Misalnya, kraftangan dan kerja-kerja rumahtangga iaitu kerja yang sesuai dengan sifat wanita yang lemah lembut. Aktiviti-aktiviti ini hanya terhad di dalam lingkungan 'private' atau 'domestic' saja.

Sementara orang lelaki yang berada di luar ruang 'private' melakukan 'masculine activity' seperti memburu dan membuat kerja-kerja binaan. Dengan kata lain, aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan ciri-ciri fizikal seorang lelaki.

Keadaan ini tidak banyak berubah hingga sekarang. Pembahagian peranan seperti ini sudah lama wujud. Oleh sebab itu ia dianggap sebagai sesuatu yang semula jadi. Tambahan pula sejak dari kecil lagi kanak-kanak lelaki dan perempuan telah disosialisasikan untuk memperlihatkan pola berlakuan yang sesuai dengan jantina mereka.

Maka tidak hairanlah jika keadaan begitu dianggap sebagai sifat semula jadi manusia. Inilah yang membawa golongan 'traditionalist' meletakkan peranan utama wanita sebagai berunsur 'domestic' sahaja. Atau dengan kata lain, masih dalam lingkungan rumahtangga dan keluarga sahaja yakni sebagai isteri, pengurus rumahtangga dan ibu yang melahirkan anak.

Namun begitu, ada pendapat yang bertentangan dengan kenyataan di atas. Golongan 'modenist' mengutarakan pandangan bahawa terdapat perubahan di dalam peranan wanita sekarang. Peranan wanita tidak lagi tertumpu kepada rumah tangga sahaja tetapi telah dapat ditemui wanita yang bekerja sepenuh masa di luar rumah iaitu menembusi ruang 'public'. Keadaan ini dikaitkan dengan proses industrialisasi.

Melihat penyertaan wanita dalam pembangunan ternyata wanita lebih suka memilih bidang kerja yang berkaitan dengan tugas tradisi mereka. Walaupun mereka diberi peluang belajar yang sama dengan kaum lelaki, tugas-tugas yang sering menjadi tumpuan ialah guru, jururawat, kerani, setiausaha dan sebagainya. Keadaan seperti ini seolah-olah memperlihatkan terhadnya peranan wanita dalam konteks pembangunan negara kita khususnya. Menurut Azizah Kassim (1975, hal. 15), keadaan ini terjadi disebabkan proses sosialisasi dan tekanan sosial terhadap wanita yang bekerja.

Dalam proses sosialisasi yang kita alami, individu menyerap ke dalam otaknya semua nilai-nilai yang ada di dalam masyarakat; dan dari sini terbentuk pendapat dan buah fikirannya. Secara langsung atau tidak melalui proses ini telah ditekankan pembahagian tugas di antara jantina.

Kanak-kanak perempuan dari sejak kecil lagi telah diajar bagaimana sesuatu perbuatan itu melambangkan jantina dan watak orang yang melakukannya. Menolong ibu di dapur atau mengemaskan rumah dan alat-alat permainan seperti anak patung dan pinggan mangkuk adalah khusus untuk orang perempuan sahaja. Sementara kanak-kanak lelaki lebih dibiarkan terdedah kepada suasana yang lebih kasar dan men-cabar seperti alat-alat permainan untuk berperang, kenderaan bermotor dan lain-lain lagi.

Tegasnya masyarakat secara halus, melalui iklan, perwatakan cerita di suratkhabar, majalah, buku dan filem, melalui alat permainan dan pendidikan di rumah sehari-hari, kesemuanya menekankan pembahagian tugas di antara jantina. Kesan dari sosialisasi tersebut meletakkan terus wanita dalam ruang 'private'. Apabila seseorang wanita itu mempunyai dua tugas yang penting dan menuntut perhatian yang bukan sedikit, sebagai suri rumah dan apa juga jawatannya di ruang 'public', mereka mestilah berani menghadapi cabaran dan kesan dari keadaan ini. Orang lelaki biasanya lebih mengharapkan wanita mengutamakan rumah-tangga dari yang lain.

Keadaan ini jelas ditekankan oleh Friedl (1975) melalui konsep 'male dominance' atau penguasaan lelaki seperti berikut:-

"...as a situation in which man have highly preferential access, although not always exclusive rights, to those activities to which the society accords the greatest value, and the exercise of which permits a measure of control over others".

(Friedl, 1975:7)

Iaitu satu keadaan di mana orang-orang lelaki mempunyai peluang atau jalan yang lebih terbuka tetapi peluang-peluang ini walaupun diberikan lebih kepada mereka tetapi tidak merupakan sesuatu yang mutlak bagi mereka. Mereka mendapat peluang-peluang ini dari aktiviti-aktiviti yang diberi nilai paling tinggi oleh masyarakat. Dan dalam melaksanakan aktiviti yang bermilai tinggi ini di lelaki berpeluang untuk mengawal orang lain.

Mengikut Friedl lagi 'male dominance' adalah sesuatu yang menyeluruh di dalam semua masyarakat. Yang berbeza cuma kadarnya sahaja. Dalam masyarakat moden konsep ini agak kurangan jika dibandingkan dengan masyarakat pra industri. Melalui kuasa yang ada, pihak lelaki akan secara tidak langsung memberi tekanan kepada isterinya yang keluar bekerja. Mereka bersikap konservatif mengenai pembahagian tugas antara jantina. Seterusnya mereka mengharapkan isteri menjalankan tanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah tangga. Wanita yang bekerja akan tertekan oleh keadaan ini. Bagi mereka yang pesimist seterusnya mengambil keputusan menumpukan sepenuh perhatian

terhadap rumah tangga seperti yang diharapkan oleh suaminya.

Kita terpaksa mengakui bahawa banyak lagi faktor yang menentukan perbezaan tugas di antara lelaki dan perempuan. Di antaranya termasuklah faktor ekonomi, politik, sosial, persekitaran dan biologi. Bagaimana faktor-faktor ini akan mempengaruhi peranan wanita akan dilihat dalam bahagian berikutnya.

Nota


1

Dari Laporan Akhir Projek Delsilife 1984, yang dijalankan oleh Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) melalui INNOTECH (Regional Centre for Educational Innovation and Technology) iaitu Pusat Pembaharuan Pendidikan dan Teknologi Serantau yang berpusat di Manila. Ia cuba menjalankan suatu kajian dalam usaha untuk mencari pendekatan dan tatacara yang berkesan bagi membangunkan masyarakat luar bandar melalui program pelajaran non-formal. Projek ini dilancarkan pada Julai 1980 dan tamat pada Julai 1984.


'Delsilife' adalah singkatan dari 'Development of a Coordinated Educational Intervention System for improving the quality of life of the rural poor through self-reliance'.

2

'Menebus' - penghijrah dari luar datang membuka tanah baru dan membuat penempatan serta menetap di tempat baru tersebut.



PETA II : KG. SUNGAI BULOH : KEDUDUKANNYA DALAM
NEGERI SEMBILAN



WANITA, KELUARGA DAN RUMAHTANGGA

Pada asasnya peranan wanita dilihat dari fungsi biologi.


Tugas-tugas biologi ini merangkumi keseluruhan tugas dalam ruang 'private' iaitu tugas-tugas sebagai isteri dan ibu. Mengenai peranan, hak dan tanggungjawab wanita sebagai isteri, didapati bentuk atau pola rumahtangga banyak mempengaruhi keadaan tersebut. Peranan mereka berbeza mengikut pola-pola keluarga yang dianggotai.

Terdapat dua pola utama keluarga dalam masyarakat kampung yang dikaji. Yang pertama dan yang paling asas ialah keluarga nuklear. Keluarga nuklear terdiri dari pasangan suami dan isteri serta anak-anak yang belum berkahwin. Bentuk keluarga yang kedua ialah keluarga extended, yang mengandungi dua atau lebih keluarga nuklear. Biasanya seperti yang terdapat di kampung ini, keluarga extended mengandungi ibu bapa yang telah tua dengan anak perempuan yang telah berkahwin dan lain-lain saudara dari sebelah pihak perempuan. Keadaan ini mungkin dari amalan Adat Perpatih di mana kaum wanita adalah pusat penyatuan keluarga.

Oleh kerana 60% dari responden yang dipilih adalah anggota keluarga extended (lihat Jadual 2), maka perhatian utama diberikan kepada suri rumahtangga dari golongan ini untuk membincangkan peranan mereka.




PETA II : KG. SUNGAI BULOH : KEDUDUKANNYA DALAM
NEGERI SEMBILAN



PETA III (LAKAR): KAMPUNG SUNGAI BULOH

Peta III (LAKA): KAMPUNG SUNGAI BULOH



WANITA, KELUARGA DAN RUMAHTANGGA

Pada asasnya peranan wanita dilihat dari fungsi biologi. Tugas-tugas biologi ini merangkumi keseluruhan tugas dalam ruang 'private' iaitu tugas-tugas sebagai isteri dan ibu. Mengenai peranan, hak dan tanggungjawab wanita sebagai isteri, didapati bentuk atau pola rumahtangga banyak mempengaruhi keadaan tersebut. Peranan mereka berbeza mengikut pola-pola keluarga yang dianggotai.

Terdapat dua pola utama keluarga dalam masyarakat kampung yang dikaji. Yang pertama dan yang paling asas ialah keluarga nuklear. Keluarga nuklear terdiri dari pasangan suami dan isteri serta anak-anak yang belum berkahwin. Bentuk keluarga yang kedua ialah keluarga extended, yang mengandungi dua atau lebih keluarga nuklear. Biasanya seperti yang terdapat di kampung ini, keluarga extended mengandungi ibu bapa yang telah tua dengan anak perempuan yang telah berkahwin dan lain-lain saudara dari sebelah pihak perempuan. Keadaan ini mungkin dari amalan Adat Perpatih di mana kaum wanita adalah pusat penyatuan keluarga.

Oleh kerana 60% dari responden yang dipilih adalah anggota keluarga extended (lihat Jadual 2), maka perhatian utama diberikan kepada suri rumahtangga dari golongan ini untuk membincangkan peranan mereka.

Pola Keluarga	Bil. Responden	Peratus (%)
Keluarga extended	30	60
Keluarga nuklear	20	40
Jumlah	50	100

Jadual 2: Pola-pola Keluarga

Bagaimanapun terdapat juga kes di mana keluarga extended mengandungi ibu bapa dan ibu atau bapa sahaja bersama anak lelaki yang telah berkahwin. Keadaan ini pula mungkin amalan dari masyarakat pendatang dari negeri lain seperti Pahang, Melaka dan Johor.

2.1 PERANAN WANITA SEBAGAI ISTERI

Dalam sesebuah keluarga misalnya keluarga asas, suami adalah ketua keluarga dan bapa kepada anak-anak. Beliau juga bertanggung-jawab dalam soal mencari wang atau pendapatan untuk menyara keluarga. Sementara isteri pula sebagai suri rumah bertugas untuk menguruskan rumah tangga dan mengasuh serta mendidik anak-anak. Isteri juga merupakan pembantu dan pembekal tenaga buruh dalam aktiviti menanam padi.

Jika seseorang wanita itu menganggotai keluarga extended, tanggungjawabnya sebagai isteri lebih ringan jika dibandingkan dengan wanita dari keluarga nuklear. Tugas-tugas menguruskan rumah tangga boleh diserahkan kepada anak atau adik perempuan yang sudah besar dan boleh diharapkan atau pun kepada ibu tua yang tidak berupaya membuat kerja-kerja di luar lingkungan rumah tangga. Mereka akan turun ke sawah dari pagi hingga lewat petang. Jika tidak pulang makan tengahari, ada anak atau suami sendiri yang menghantar bekalan makanan dan minuman untuk mereka.

Wanita dalam keluarga nuklear pula, peranan sebagai isteri lebih berat lagi. Mereka mempunyai anak-anak yang masih kecil dan memerlukan penjagaan serta pengawasan yang lebih rapi. Keadaan bertambah rumit dan tanggungjawab serta tugas semakin berat terutama bila mula musim ke sawah tiba. Sekiranya tidak ada pembantu di rumah, anak perempuan terutamanya, ibu bapa, saudara mara atau jiran tetangga yang sanggup menjaga anak-anak yang masih kecil tadi, mereka dibawa bersama ke sawah lebih-lebih lagi sewaktu musim mengubah dan menuai.

Suri rumah dari golongan ini mesti cekap dan pandai membahagikan masa untuk kerja-kerja mereka. Waktu musim ke sawah mereka terpaksa bangun awal pagi untuk menyediakan sarapan. Ada yang terus memasak untuk hidangan tengahari dan membuat kerja-kerja rumah tangga yang lain seperti membasuh dan mengemas rumah. Setelah selesai segala urusan rumah tangga barulah mereka turun ke sawah.

Oleh itu tugas dan peranan seseorang isteri itu haruslah berkaitan dengan suami masing-masing. Secara asasnya hak dan tanggungjawab wanita sebagai isteri ialah menjaga diri supaya tidak mengadakan hubungan kelamin dengan orang lain atau dengan kata lain menjaga maruah diri dan suaminya. Selain daripada itu si isteri juga bertindak sebagai sumber gunatenaga. Untuk menentukan semua perkara tersebut berjalan dengan lancar dan berpanjangan kedua-dua pihak bersama bertolak-ansur, timbangrasa dan sanggup berkorban antara satu sama lain.

Tugas sebagai seorang isteri sebenarnya memerlukan peruntukan masa yang panjang bahkan paling lama dalam sehari jika dibandingkan dengan lain-lain pekerjaan. Malah boleh dikatakan pekerjaan mereka ini bermula dari saat 'membuka mata' atau bangun dari tidur sehingga sampai waktu untuk tidur semula di sebelah malamnya. Masa rihat bagi mereka hanyalah sewaktu tidur sahaja. Tetapi ini terkecuali bagi yang mempunyai anak yang masih kecil, yakni yang masih menyusu. Sudah menjadi kebiasaan malahan tanggungjawab mereka bangun di tengah-tengah malam untuk menyusukan anak sama ada dengan susu botol atau pun susu ibu itu sendiri, di samping menukar lampin anak-anak yang terkencing atau terberak.

Walaupun bagi kebanyakan orang terutama para suami mereka, waktu malam itu adalah waktu rihat sepenuhnya tetapi bagi para isteri

mereka tetap ada tugas dan tanggungjawab yang mesti dijalankan. Semua responden yang ditemui mengatakan suami mereka amat kurang membantu tugas-tugas isteri di waktu malam seperti menukar lampin atau menyediakan susu anak. Hanya di waktu yang terdesak saja si suami bersedia membantu, misalnya ketika si isteri sakit atau bersalin.

Memang telah menjadi tradisi hidup masyarakat kampung yang banyak pantang-larang dan petua yang mesti dipatuhi sewaktu bersalin. Begitulah juga bagi penduduk kampung Sungai Buluh ini. Walaupun pantang larang dan petua ini telah diamalkan sepenuhnya seperti zaman nenek moyang mereka dulu tetapi banyak di antaranya yang telah sebatik dan kekal sebagai cara hidup mereka. Si isteri yang bersalin mestilah menumpukan sepenuh perhatian untuk memulihkan kesihatan dan kekuatan mereka dalam tempoh pantang selama 44 hari tersebut terutamanya mereka dilarang membuat kerja-kerja berat, mesti 'berurut', ada proses 'bertungku' dan sebagainya.

Maka sebab itulah 'pembantu sementara' sangat-sangat diperlukan di saat-saat seperti ini. Terdapat 44% kes di mana bila si isteri bersalin, si suami masih ada pembantu yang mungkin terdiri dari ibu, kakak, adik atau saudara mereka. Biasanya 'pembantu sementara' ini terdiri dari orang-orang yang telah berumur dan berpengalaman. Mereka ini akan mengambil-alih tugas si isteri tadi seperti memasak, mencuci pakaian dan mengemas rumah, di samping menjaga pantang-larang

mereka yang bersalin tadi selama 'dalam pantang'. Dalam keadaan seperti ini si suami tetap 'lepas tangan' dari melakukan tugas-tugas isteri kerana terdapatnya 'pembantu sementara' yang sudah semestinya orang 'perempuan'.

Dengan lebih terperinci lagi 'isteri' adalah teman, pembantu dan penasihat kepada suaminya dalam sesuatu keluarga. Di kampung Sungai Buluh ini, hak dan tanggungjawab isteri adalah berasaskan keluarga dan rumahtangga. Bermula dari awal pagi lagi, kegiatan harian tersebut berakhir hingga ke malam hari. Tugas pertama mereka ialah menyediakan sarapan dan bekalan untuk seluruh keluarga; suami yang akan keluar menoreh dan anak-anak ke sekolah jika ada. Selepas itu mereka akan sibuk pula dengan kerja-kerja urusan rumahtangga seperti mengemas rumah, membasuh dan seterusnya memasak untuk hidangan tengahari. Bagi suri rumah di sini, masalah ke pasar tidak timbul kerana mereka membeli sayur-sayuran (kadang-kadang) dan ikan dari penjaja Cina yang datang tiap-tiap hari atau pun di kedai-kedai runcit yang ada.

Dalam hal ini didapati perbelanjaan harian keluarga untuk makanan terletak sepenuhnya di tangan wanita. Merekalah yang membuat keputusan apa sepatutnya untuk dibeli, dimasak dan di makan oleh keluarganya setiap hari. Di sini jelas tanggungjawab mereka sebagai pentadbir belanjawan harian keluarga.

Dari kajian dan pemerhatian pengkaji, dalam satu hari sekurang-kurangnya seseorang isteri itu akan berada di dapur sepenuhnya sebanyak tiga kali. Pertamanya ketika menyediakan sarapan pagi, makan tengahari dan seterusnya untuk makan malam. Ia bermula dari proses penyediaan hingga ke akhir iaitu berkemas dan membasuh pinggan-mangkuk. 40% responden yang lain, mereka berada di dapur sebanyak empat kali sehari termasuk penyediaan sajian minum petang. Bagaimanapun terdapat ramai kaum lelaki yang lebih suka minum petang di kedai kopi yang ada dan sesuai untuk mereka bercampur-gaul, berborak, berbincang dan sebagainya bersama teman-teman dan jiran tetangga. Dari pertemuan di kedai kopi inilah mereka bertanya khabar dan saling mengenali keluarga masing-masing. Bercerita tentang keadaan kampung sendiri, kampung-kampung jiran malah sehingga kepada masalah negara, isu-isu semasa dan berbagai topik perbualan dan perbincangan lagi. Ada juga yang datang minum sambil membaca akhbar harian yang disediakan oleh pekedai berkenaan.

Tugas-tugas ini hampir sama setiap hari cuma suasana kerjanya saja yang berbeza mengikut keadaan keluarga tersebut. Jika musim ke sawah tiba, tugas dan tanggungjawab mereka bertambah banyak lagi kerana mereka adalah tenaga buruh yang utama dalam aktiviti tersebut.

2.2 HUBUNGAN ISTERI DENGAN SUAMI

Suami adalah ketua keluarga dan isteri sebagai pembantunya. Dalam hubungan ini isteri mestilah menghormati suaminya. Untuk itu si isteri tidak akan memanggil nama suaminya tetapi menggunakan beberapa nama panggilan atau gelaran seperti 'abang', 'abahnya' atau si' (dengan menyebutkan nama anak yang sulung biasanya) dan sebagainya.

Setelah memperolehi anak (biasanya), si suami bertanggung-jawab pula menyediakan rumah atau tempat tinggal yang selesa mengikut kemampuan untuk isteri dan anak-anaknya. Manakala isteri pula mestilah menguruskan dan menyediakan kediaman yang bersih dan teratur untuk keluarganya.

Dari segi pemilikan harta pula, semua 50 orang responden wanita yang dipilih, memiliki tanah sawah dan tanah kampung atas nama mereka sendiri atau yang belum ditukar nama tetapi sudah pasti menjadi milik mereka. Pemilikan ini berasaskan pewarisan dari ibu bapa masing-masing atau pun pemberian suami. Bagi tanah getah pula terdapat juga pemilik dari kaum lelaki terutama bagi Rancangan Tanah Pinggir kerana permohonan perlu dibuat untuk memiliki. Oleh itu ia melibatkan hal-hal yang berurusan secara resmi dengan Pejabat Tanah dan melalui beberapa saluran tertentu seperti menulis surat, mendaftar nama dan mengisi borang. Jadi, wanita yang kurang pengetahuan dalam

hal-hal seperti ini kerana terus terikat dengan rumah tangga menyerahkan segala-galanya pada suami. Tetapi ada juga suami yang memohon tanah tersebut untuk isterinya. Pemilikan harta oleh kaum wanita ini banyak berkait dengan amalan Adat Perpatih.

Sebagai 'pembantu' suami, jelas dilihat di atas (dan bab-bab selanjutnya) bagaimana si isteri berusaha untuk memenuhi dan melaksanakan tanggungjawab tersebut. Biarpun tidak ada ganjaran wang yang diberikan, ada juga di kalangan suami responden yang menghargai tugas-tugas dan tanggungjawab isteri masing-masing dengan memberikan barang-barang kemas, kain baju, peralatan dapur seperti dapur gas, periuk nasi elektrik dan lain-lain lagi dari hasil jualan padi bagi satu-satu musim itu.

2.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB WANITA SEBAGAI IBU

Oleh kerana penekanan berdasarkan wanita dalam keluarga extended, wanita sebagai ibu tidak saja ibu kepada anak-anak yang belum berkahwin tetapi termasuk juga anak-anak yang telah berumah-tangga dan bekeluarga sendiri.

Sebagai permulaan kita akan melihat hak dan tanggungjawab wanita sebagai ibu kepada anak-anak yang belum berkahwin. Dalam konteks ini peranan dan tugas ibu lebih banyak tertumpu kepada menye-

diakan keperluan asas untuk anak-anaknya. Keperluan asas yang dimaksudkan ialah mengurus dan menyediakan makanan, pakaian, perlindungan dan penjagaan, didikan, pelajaran dan pengetahuan.

Sebagai ibu mereka lah yang membentuk peribadi anak-anak dan seterusnya menentukan corak generasi masa depan. Walaupun tidak dinafikan bahawa tanggungjawab ini tidak semata-mata dibebankan kepada ibu, kerana pihak bapa juga mempunyai tanggungjawab yang sama beratnya tetapi wanita mendukung tanggungjawab yang utama. Tidak hairanlah ramai kaum lelaki terutama para suami menyerahkan bulat-bulat tugas mendidik anak-anak kepada kaum wanita atau isterinya sahaja, terutama dalam konteks masyarakat yang dikaji ini.

Ada seorang responden menceritakan, macam mana kuat sekali-pun anaknya menangis di waktu malam, suaminya tidak akan bangun untuk membantu memujuk atau mendodoi anak yang sedang menangis itu sementara si isteri menyediakan susu. Di sini jelas menunjukkan si suami meletakkan sepenuh tanggungjawab sebagai pengasuh dan pendidik anak kepada isterinya.

Perhubungan seseorang anak dengan ibu adalah lebih rapat dari hubungannya dengan bapa. Seperti yang dinyatakan di atas tadi, ibu lebih banyak bergaul dengan anak-anak dalam kehidupan hari-hari. Sebab itulah kebanyakan para ibu adalah perantaraan di antara seorang

ayah dengan anak-anaknya. Misalnya untuk meminta wang yuran sekolah, si anak memberitahu ibunya terlebih dulu untuk disampaikan kepada bapanya.

Anak-anak perempuan biasanya lebih rapat dengan ibu tetapi keadaan ini bukanlah semestinya. Apabila seseorang ibu telah tua, anak-anak perempuanlah yang menjaga ibunya.

Sementara dengan anak-anak lelaki pula, pergaulan adalah rapat semasa kecil, belum berkahwin dan ketika masih menetap dengan ibu bapanya. Apabila telah bekerja anak lelaki biasanya memberi ibunya wang atau membina rumah yang baru untuk kedua ibu bapanya. Setelah berkahwin, perhubungan anak lelaki dengan ibu tidak serapat dulu lagi. Bagi anak lelaki yang tidak berduit atau mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, mereka biasanya membantu keluarga dengan tenaga seperti membantu kerja-kerja di sawah dan sebagainya.

Seterusnya dilihat hak dan tanggungjawab wanita sebagai ibu kepada anak-anak yang telah berkahwin dan membentuk keluarga sendiri. Dengan kata lain peranan ibu dalam keluarga extended. Di sini ibu berperanan sebagai pusat penyatuan dan perhubungan seluruh keluarga.

Satu contoh ialah Puan Lijah seorang janda berusia 55 tahun dan mempunyai anak seramai lapan orang. Lima daripada anaknya telah berumahtangga dan mempunyai keluarga mereka sendiri serta tinggal di

tempat yang berasingan seperti Gemas, Seremban, Kuala Lumpur dan Kota Tinggi, Johor. Setiap musim hari raya dan cuti persekolahan, anak-anaknya akan pulang bersama keluarga masing-masing. Sebagai seorang ibu beliau berjaya memainkan peranan sebagai pusat penyatuan dan perhubungan seluruh anggota keluarganya, walaupun di hari-hari biasa beliau tinggal seorang diri.

Selain dari menerima wang pencen peninggalan arwah suaminya, sebagai seorang ibu beliau juga menerima wang pemberian anak-anaknya tiap-tiap bulan. Dan, tidak hairanlah jika keluarganya sering menjadi contoh tauladan kepada masyarakat kampung kerana kejayaannya mendidik anak-anak dalam pelajaran dan mengeratkan serta menyatupadukan semua anak-anaknya walaupun mereka telah berkeluarga dan mempunyai tanggungjawab sendiri, terutama setelah suaminya meninggal dunia.

Satu aspek lain, dalam perundingan keluarga, misalnya merundingkan tentang perkahwinan anak-anak; biasanya ibu adalah kata seluruh keluarga. Ibu memainkan peranan penting dalam perundingan seperti ini. Jika ibu membantah, kurang berjayalah rundingan itu. Dalam hal ini suami selalunya menurut kata si isteri. Hasil rundingan bergantung kepada ibu sebagai pembuat keputusan.

Hak dan tanggungjawab ibu dalam keluarga extended termasuklah sebagai ibu mertua kepada anak-anak menantunya. Ibu adalah penting terutama ketika anak atau menantunya bersalin. Biasanya apabila anak-

nya telah sampai bulan dan menunggu harinya saja lagi, beliau akan dijemput untuk tinggal bersama mereka. Ibulah yang menjaga pantang-larang sebelum bersalin dan menjaga si anak sewaktu dalam pantang selepas bersalin.

Dalam konteks masyarakat petani di kampung Sungai Buluh ini, ibu juga berperanan sebagai sumber gunatenaga dalam proses pengeluaran pertanian. Terutama dalam proses atau tahap-tahap tertentu seperti musim mengubah dan menuai dijalankan (akan dihuraikan lebih lanjut dalam bab seterusnya). Jika ibu bapa mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih tinggi, maka hubungan yang wujud lebih merupakan bantuan dan perlindungan yang diberikan, misalnya membina dan menyediakan rumah untuk tempat tinggal mereka. Bentuk hubungan ini juga wujud di antara anak dengan ibu bapa mereka.

2.4 LAIN-LAIN HAK DAN TANGGUNGJAWAB WANITA DI DALAM KELUARGA

Seperti yang telah dinyatakan awal tadi bahawa penekanan huraian berasaskan wanita dalam keluarga extended. Oleh itu peranan mereka sebagai anak dan menantu juga adalah penting. Apakah bentuk hubungan mereka dengan ibu bapa? Oleh kerana golongan wanita yang dikaji ini telah mempunyai keluarga sendiri malahan ada yang telah membentuk keluarga extended yang tersendiri pula, biasanya mereka tinggal berasingan dari ibu bapa. Namun begitu tanggungjawab dan

perhatian terhadap ibu bapa tetap ada walaupun mereka sendiri mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap keluarga mereka sendiri.

Hubungan dengan ibu bapa sedikit sebanyak bergantung kepada faktor ekonomi kedua belah pihak dan jarak yang memisahkan mereka. Jika ibu bapa mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah dari mereka, maka hubungan yang wujud lebih merupakan bantuan dan perlindungan yang diberikan. Terdapat juga anak-anak yang memelihara dan menanggung segala keperluan ibu bapa terutama ibu bapa yang telah tua dan tidak berupaya lagi untuk bekerja.

Sebilangan besar penduduk kampung ini seperti yang telah dihuraikan merupakan 'penghijrah' atau 'penebus' dari lain-lain daerah di Negeri Sembilan malahan dari negeri-negeri jiran seperti Pahang, Melaka dan Johor.

Oleh kerana ibu bapa mereka tinggal di tempat asal, peranan mereka dari golongan ini termasuklah membuat kunjungan atau menziarahi ibu bapa tersebut. Kekerapan kunjungan bergantung kepada faktor ekonomi dan jarak di antara keduanya. Biasanya kunjungan semasa hari raya adalah sesuatu yang mesti biarpun setahun sekali. Begitu juga jika ibu bapa kurang sihat atau selalu sakit-sakit, mereka akan pergi melawat dan dalam keadaan tertentu membawa ibu bapa tinggal bersama mereka. Kebiasaan mereka memelihara dan menjaga ibu bapa yang telah tua ini

menjadi tanggungjawab anak perempuan dalam satu-satu keluarga terutama anak perempuan sulong.

Keadaan ini wujud kerana tugas-tugas memelihara dan menjaga dianggap lebih sesuai dilakukan oleh anak perempuan dari darah daging mereka sendiri. Anak sendiri tentunya lebih memahami perlakuan dan kehendak kedua ibu bapanya. Ini berbeza dengan anak lelaki, kerana sudah tentu penjagaan dan pengawasan diletakkan sepenuhnya kepada isterinya. Sedangkan mereka sendiri jarang berada di rumah kerana sentiasa keluar rumah mencari rezeki.

Di kalangan mereka yang tidak mempunyai ibu bapa yakni sudah meninggal dunia, hubungan dengan mereka ini tetap kekal dan terpelihara. Ini dilakukan dengan menziarahi kubur mereka terutama disetiap pagi raya serta mendoakan kesejahteraan hidup mereka di akhirat. Hubungan ini juga dibuat dalam bentuk simbolik yang lain seperti mengadakan kenduri arwah, bersedekah dan sebagainya.

Bagi mereka yang terus mengamalkan Adat Perpatih, sistem pewarisan harta pusaka kepada anak-anak perempuan masih berterusan. Setiap anak perempuan di kalangan masyarakat ini berhak menerima harta pusaka, berupa tanah kampung atau tapak rumah, tanah sawah dan tanah dusun (buah-buahan).

Hubungan dengan lain-lain anggota keluarga juga adalah penting. Sebagai seorang kakak, terutama kakak yang tua, tanggung-jawab terhadap adik-adik juga tidak dilepaskan. Lebih-lebih lagi sekiranya ibu bapa atau salah seorang darinya telah meninggal dunia.

2.5 PANDANGAN DAN SIKAP MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WANITA SEBAGAI SURI RUMAH

Umum menganggap seseorang isteri dan suri rumah itu mestilah tidak lepas dari tugas-tugas tradisi iaitu dalam lingkungan domestic. Mereka (umum) menjangkakan setiap suri rumah dapat menjalankan semua tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Menyediakan rumah tangga yang bersih, kemas, teratur dan sedap mata memandang serta makanan-makanan dan masakan yang sedap terhidang setiap waktu makan dan sebagainya. Di samping penjagaan diri dan anak-anak serta suami yang sempurna, suri rumah juga mesti bijak membahagikan masa antara anak-anak dan suami dan orang-orang lain di luar lingkungan rumah tangga mereka.

Isteri yang baik yang dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan sempurna akan sentiasa dipuji dan menjadi contoh tauladan kepada anak-anak gadis. Tetapi tidak semua wanita berjaya dalam kerjaya mereka sebagai suri rumah ini. Banyak faktor-faktor yang mempengaruhi tugas-tugas mereka, misalnya faktor ekonomi, (akan diuraikan lebih

lanjut dalam bab seterusnya). Ramai di antaranya yang terpaksa menagih-agihkan masa dan mencampur-adukkan tugas sebagai suri rumah-tangga ini dengan lain-lain keperluan untuk keluarga.

Dalam konteks masyarakat petani terutama masyarakat kampung ini, suri rumah dianggap sebagai bekalan tenaga buruh yang utama. Isteri diharapkan dapat membantu suami melakukan kerja-kerja tertentu dalam proses pertanian yang dijalankan. Tetapi ada kalanya tanggungjawab ini tidak dapat dipenuhi kerana keupayaan dan masalah kesihatan misalnya. Bilangan ahli keluarga yang ramai dan umur juga turut mempengaruhi tugas-tugas suri rumah.

Isteri juga diharapkan dapat melahirkan zuriat yang baik untuk suaminya. Apabila si isteri gagal untuk hamil, kesalan selalu-nya ditujukan pada wanita tersebut. Ada satu kes misalnya, sepasang suami isteri tidak mempunyai anak setelah hampir 20 tahun berumah-tangga. Mereka akhirnya memelihara anak angkat. Tetapi telah dua orang anak angkat dipelihara, semuanya meninggal dunia. Masyarakat kampung menganggap pasangan tersebut terutama si isteri 'tidak serasi' atau tidak sesuai untuk membela dan mempunyai anak.

Wanita yang gagal atau tidak sanggup menjalankan tugasnya dengan baik akan menjadi bahan bualan dan cemuhan masyarakat kampung.

KEGIATAN WANITA DALAM EKONOMI MASYARAKAT DESA

Selain dari menjalankan tugas dan peranan dalam rumah tangga. Seseorang wanita di dalam masyarakat tani juga terlibat di dalam sektor ekonomi (secara langsung). Peranan mereka sama pentingnya dengan kaum lelaki di dalam semua bidang pekerjaan dan aspek kehidupan lainnya. Ini kerana wanita luar bandar adalah pembekal tenaga buruh yang utama bagi setiap aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh sesuatu keluarga itu.

Maksud aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh kaum wanita di sini ialah sebarang kegiatan yang dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga. Dalam hal ini pengkaji akan melihat peranan wanita di dalam tiap-tiap jenis kegiatan ekonomi yang diceburinya sama ada sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji atau pun wanita sebagai buruh upahan. Dan, satu golongan lagi ialah wanita yang memainkan 'dwi-peranan' iaitu wanita sebagai ketua keluarga yang terlibat sepenuhnya dalam sektor ekonomi. Kemudian akan disentuh juga penglibatan mereka di dalam kemudahan kredit tidak formal yang merupakan sebahagian dari cara perbelanjaan harian mereka.

Kampung Sungai Buluh sebagai satu kawasan pertanian tidak banyak berbeza dengan lain-lain kawasan luar bandar di negara kita.

Kegiatan ekonomi yang utama seperti yang telah dijelaskan dalam bab I ialah menoreh getah dan bersawah padi. Kegiatan sampingannya pula seperti menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan memelihara binatang ternakan. Dalam sektor pertanian ini sumbangan isteri terhadap kegiatan tersebut tidak kurang pentingnya dari kaum lelaki. Isteri para petani tidak duduk berpeluk tubuh sahaja tetapi turut sama turun ke bendang atau ladang bersama-sama suaminya mengikut musim-musim tertentu.

Di samping itu mereka juga terlibat dengan beberapa jenis pekerjaan sampingan seperti menganyam, jahit-menjahit, masak-memasak, membuat gubahan dan sulaman yang semuanya kemahiran kraftangan.

3.1 WANITA SEBAGAI PEKERJA KELUARGA YANG TIDAK BERGAJI

Oleh kerana sebilangan besar daripada responden yang ditemu iaitu 58%, terdiri dari pekerja keluarga yang tidak bergaji, penekanan utama diberi kepada golongan ini. Yang dimaksudkan dengan pekerja keluarga yang tidak bergaji ialah mereka tidak menerima apa-apa ganjaran berupa wang dari setiap usaha yang dilakukan. Kerja-kerja tersebut dilakukan atas rasa tanggungjawab dan kesedaran, 'yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing' dalam meneruskan hidup berkeluarga.

a. Menanam Padi

Dari peringkat awal proses bersawah, wanita lah tenaga penggerak dan pengusaha yang utama. Suami mereka hanya turut sama turun ke bendang ketika lewat petang sahaja, kecuali dalam musim-musim tertentu. Di sebelah pagi hingga lewat tengahari suami masing-masing keluar menoreh getah untuk mencari belanja sehari-hari. Setelah selesai tugas-tugas tersebut barulah mereka turun ke sawah di sebelah petangnya. Itu pun jika mereka tidak ada kerja-kerja lain, ke kebun misalnya.

60% daripada suami responden mengatakan, keputusan untuk turun ke sawah bagi satu-satu musim banyak bergantung kepada kesanggupan isteri untuk bergiat sama. Jika si isteri tidak sanggup atau tidak berupaya untuk mengerjakannya, ini bermakna mereka tidak akan mengusahakan tanah sawah tersebut tetapi menyewakan atau membiarkannya begitu saja. Secara tidak langsung keadaan ini menggambarkan betapa pentingnya tenaga dan peranan kaum wanita dalam proses menanam padi.

Kaum wanita sebenarnya terlibat dalam keseluruhan proses tersebut, dari mula sampai ke akhir iaitu memproses beras menjadi nasi. Hanya proses membajak sahaja yang dilakukan sepenuhnya oleh kaum lelaki; yang sebenarnya dilakukan oleh jentera pembajak dipupah dari Lembaga Pertubuhan Peladang pada setiap musim menanam padi dilakukan. (Lihat Jadual 3).

Setelah selesai proses membajak, kaum wanita menyemai anak benih di tapak semai yang disediakan oleh kaum lelaki. Selepas itu kerja-kerja meluluk¹ dijalankan oleh kedua belah pihak, lelaki dan perempuan. Bagi petani yang mampu mereka menyewa mesin bajak kubota untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Kadar sewa mesin tersebut ialah \$28/= sejam. Manakala proses mencabut anak benih dan mengubah dijalankan sepenuhnya oleh kaum wanita.

Biasanya jika kekurangan tenaga buruh atau petani menjangka-kan kerja-kerja mengubah tidak dapat diselesaikan mengikut jadual yang ditetapkan, mereka akan mengupah orang lain untuk melakukannya atau pun bergotong-royong dengan jiran tetangga dan saudara mara. Jadual kerja bagi satu-satu musim penanaman ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.² Mereka yang terlibat dalam proses upah-mengupah dan gotong-royong atau 'menyeraya' (seraya)³ terdiri dari kaum wanita juga. Keadaan ini membuktikan pembahagian kerja dari sejak dulu lagi masih diamalkan iaitu kerja-kerja mengubah yang rumit adalah kerja kaum wanita sahaja.

Apabila selesai proses mengubah, tiba waktu rihat bagi petani kerana mereka hanya perlu menjenguk sekali-sekala untuk mem-pastikan tanaman sentiasa dalam keadaan baik, tidak ditumbuhki rumput dan sebagainya. Bagaimanapun perhatian yang berat perlu diberikan terhadap musuh-musuh padi seperti tikus dan serangga perosak. Waktu ini proses membaja, dan meracun dilakukan oleh

orang lelaki, begitu juga kawalan air. Proses 'merumput' dan 'menyulam'⁴ dilakukan oleh orang perempuan.

Bila padi sudah mula 'terbit' atau mengeluarkan buah, semua tenaga yang terlibat akan sibuk semula sehingga proses menuai berakhir. Ketika ini semua sumber tenaga keluarga dikerah dan digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja terakhir dalam proses penanaman padi. Menuai atau 'menyabit'⁵ dijalankan oleh kaum wanita. Sementara kerja-kerja membanting dilakukan oleh lelaki kerana ia memerlukan tenaga yang kuat. Setelah itu kerja 'mengangin'⁶ sekali lagi dikhatususkan untuk wanita sahaja. Kemudian padi yang telah dianginkan dimasukkan ke dalam guni dan diangkut atau dibawa dengan motosikal ke rumah atau pun dijual terus ke kilang padi yang terdapat di kampung ini.

Jenis Kerja	Dilakukan oleh		
	Lelaki	Perempuan	Lelaki & Perempuan
1. Penyediaan tapak dan penyelenggaran semaihan			✓
2. Penyediaan tanah (keseluruhan)			✓
3. Menabur dan mencabut benih		✓	
4. Melulok			✓
5. Mengubah		✓	
6. Menyalam		✓	
7. Membaja dan meracun	✓		
8. Kawalan tikus, serangga dan air			✓
9. Kawalan air			✓
10. Menuai		✓	
11. Membanting	✓		
12. Mengangin		✓	
13. Mengangkut dan memunggah	✓		

Jadual 3: Pembahagian Kerja Antara Jantina Dalam Proses Bersawah Padi

Penanaman padi di sini bukan setakat untuk kegunaan sendiri sahaja malahan untuk berjual juga. Padi yang diperolehi dijual kepada LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara). Bagi satu-satu musim penanaman ada petani yang mendapat hasil jualan padi sehingga \$2,500/=. Hasil yang agak lumayan ini menggalakkan sebilangan kecil belia atau pemuda-pemuda untuk bersawah padi semata-mata untuk jualan sahaja. Biasanya hasil jualan padi ini tidak diserahkan kepada wanita dalam bentuk wang. Ada di antara suami mereka yang membelikan barang-barang kemas sebagai ganjaran usaha mereka. Atau ada yang membelikan dapur atau alat memasak elektrik seperti periuk nasi dan cerek elektrik, ada juga yang menggunakan wang tersebut untuk membina, membesarkan dapur, membaiki rumah dan dapur baru. Bagi golongan yang tua mereka menggunakan untuk menokok-tambah atau mencukupkan simpanan di Tabung Haji seterusnya pergi menunaikan Fardhu Haji. Sebaliknya ada juga di kalangan suami yang tidak membelikan apa-apa untuk isterinya dan menggunakan hasil jualan untuk perbelanjaan harian keluarga sahaja.

Padi yang dijual adalah lebihan dari yang dijangkakan untuk kegunaan mereka sekeluarga sementara menunggu musim yang satu lagi. Tetapi tidak semua petani mendapat lebihan pengeluaran, ada yang cukup-cukup untuk kegunaan sekeluarga sahaja. Padi untuk kegunaan sendiri tadi disimpan di satu tempat atau rumah kecil yang dibina khas dipanggil 'kepuk'. Proses menyimpan padi juga adalah tugas wanita.

Ia bermula dengan proses menganginkan sebelum disimpan dan bila perlu padi dijemur selama 3-4 jam, kemudian dihantar ke kilang padi untuk diproses menjadi beras. Selepas itu, beras ditampi untuk membuang habuk yang masih ada dan mengasingkannya dari 'antah'⁷ sebelum dimasak menjadi nasi. Kesemua kerja-kerja ini dilakukan oleh orang perempuan.

Oleh kerana proses pembangunan dan pemodenan dibidang pertanian yang kian pesat diperkenalkan di negara kita ini, penduduk kampung ini juga tidak ketinggalan dalam menerima beberapa proses perubahan tersebut. Antara yang diperkenalkan ialah 'Sistem Tabur Terus' oleh pihak MARDI. Kaedah baru ini diperkenalkan untuk menggantikan cara mengubah yang lama. Dengan cara ini padi tidak perlu diubah, hanya taburkan saja di tapak tanaman. Tapak tanaman atau lopak-lopak sawah mestilah betul-betul rata. Setelah tumbuh dan mula membesar barulah disalirkan air ke dalam lopak-lopak tersebut. Cara ini lebih cepat dan menjimatkan masa kerana tidak perlu menyediakan tapak semai dan menyemai benih dan seterusnya mencabut anak benih. Tetapi cara ini tidak sesuai untuk tanah paya di mana air sentiasa bertakung.

Kaedah baru ini meringankan kerja-kerja kaum wanita terutamanya dan dalam masa yang sama mengurangkan peluang menambah pendapatan bagi segolongan wanita yang lain. Oleh kerana baru di

peringkat pengenalan, cara tersebut dijalankan buat pertama kalinya oleh tiga keluarga petani. Memandangkan hasil yang baik dari pengenalan kaedah ini, lebih ramai petani dijangka mengamalkannya pada musim penanaman yang akan datang ini.

Begitu juga dengan pengenalan mesin pemotong padi, namun begitu tidak semua petani mampu menggunakan kemudahan tersebut kerana kos yang tinggi. Pesawah dikenakan \$8/= bagi seguni padi yang dapat dikumpulkan oleh mesin tersebut. Peranan mesin pemotong ini merangkumi proses menuai dan mengangin yang kedua-duanya adalah tugas dan tanggungjawab wanita sebelum ini. Walaupun pertama kali diperkenalkan, jentera penuai ini begitu mendapat sambutan dari para pesawah. Ini mungkin kerana musim menuai yang lalu serentak dengan kedatangan bulan puasa. Para petani terutama kaum wanita terpaksa membahagi-bahagikan masa ke sawah dan membuat serba sedikit persiapan untuk hari raya. Tambahan pula di bulan puasa, lebih cepat penat apabila bekerja di tengah panas. Bagi golongan yang mampu, ia mengurangkan beban kerja dan masa kerana kaum wanita terutamanya tidak perlu lagi bertungkus-lumus sewaktu musim menuai. Semua kerja-kerjanya telah diambil alih oleh jentera tersebut dan beras dalam masa yang singkat sahaja.

Walaupun penggunaan jentera dan kaedah baru untuk menanam padi banyak membawa manfaat seperti mengatasi masalah kekurangan

tenaga buruh, tetapi secara tidak langsung ia mengurangkan semangat kerjasama dan gotong-royong di kalangan penduduk luar bandar umumnya dan Kampung Sungai Buluh khususnya. Dalam masa yang sama juga mengurangkan peranan malahan membataskan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi. Secara terperinci lagi, proses pemodenan di sektor pertanian sebenarnya semakin mengongkong dan akhirnya mengikat wanita dalam lingkungan rumah tangga sahaja.

Melalui kegiatan ekonomi ini juga dapat dilihat perhubungan dan peranan wanita sebagai seorang anak dalam keluarga extended. Mereka merupakan sumber tenaga buruh keluarga untuk melakukan kerja-kerja pertanian yang banyak dalam masa-masa yang terhad. Misalnya, waktu mengubah dan musim menuai. Kerja-kerja ini mesti dilakukan secepat mungkin. Jika tidak kerugian akan menimpa keluarga tersebut. Proses mengubah umpannya mesti selesai sama dengan penanam padi lain-lainnya. Sekiranya lewat, waktu masaknya juga tidak sama. Ini akan merugikan kerana musuh padi akan bertumpu di sawah mereka kerana yang lain telah selesai kerja-kerja tersebut. Jika mampu, semua kerja boleh diupahkan. Dalam hal seperti ini, biarpun si anak tidak dapat membantu dari segi kewangan, bantuan tenaga akan lebih bererti lagi.

Sebenarnya, tenaga buruh dalam usaha pertanian seperti ini, kedua pihak ibu bapa dan anak saling memerlukan dan bergantung antara satu sama lain. Hubungan yang sama juga berlaku kepada sanak saudara dan jiran tetangga. Keadaan ini mewujudkan dan seterusnya mengeratkan perhubungan keluarga dan masyarakat setempat.

b. Usaha Penorehan Getah

Dalam kegiatan ini, tidak ramai kaum wanita yang terlibat. Jika ada pun terdiri dari wanita sebagai ketua-ketua keluarga (20%) yang terpaksa bekerja untuk menyara keluarganya. Sementara segelintir yang lain terlibat kerana membantu suami dalam proses atau tahap-tahap tertentu saja. Misalnya, proses mengumpul susu getah, sewaktu membeku dan menesin untuk membuat kepingan getah.

Ada golongan wanita yang melakukan usaha penorehan getah ini sebagai sumber pendapatan yang utama di samping bersawah padi. Jadi, mereka terpaksa membahagi-bahagikan masa untuk kedua-dua aktiviti tersebut. Dari awal pagi lagi mereka keluar rumah untuk ke kebun menoreh getah dan ke sawah pula di sebelah petangnya. Sewaktu musim mengubah dan menuai mereka berhenti seketika menoreh getah sehingga kerja-kerja tersebut selesai. Untuk itu, sebelum musim tersebut tiba mereka berusaha mengumpul belanja bagi kegunaan di masa tersebut.

Atau ada juga yang semata-mata bergantung kepada hasil getah dan tidak terlibat dengan sawah padi secara langsung. Tetapi bila musim menuai dan mengubah tiba, mereka mengambil kesempatan ini untuk mengambil upah di sebelah petangnya atau diselang-seli dengan hari menoreh.

c. Lain-lain Kegiatan Ekonomi

Selain dari itu ada juga golongan suri rumah tangga yang mempunyai kemahiran krafangan seperti menjahit, membuat anyaman dari mengkuang atau rotan dan lain-lain lagi. Kegiatan ini dilakukan secara sampingan untuk memenuhi masa lapang dan mencari kepuasan. Malahan ada yang melakukannya sebagai sumber sampingan pendapatan keluarga. Ia biasanya dilakukan sementara menunggu musim ke sawah yang seterusnya.

Membuat anyaman dari mengkuang misalnya selalu dilakukan secara berkumpulan. Prosesnya bermula dari mengambil atau 'menetak'⁸ daun mengkuang, dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki, 'dilayur', membuang duri, kemudian dipotong kecil memanjang dengan menggunakan sejenis alat yang dipanggil 'jangka'⁹ dan beberapa tahap lagi hingga sampai ke proses menganyam dilakukan. Proses menganyam secara berkumpulan biasanya dilakukan di waktu malam di halaman-halaman rumah. Kerja-kerja anyaman tikar ini adalah sangat rumit dan memerlukan

ketekunan serta perhatian yang sepenuhnya. Oleh sebab itulah ia dilakukan di waktu malam tanpa gangguan anak-anak dan lain-lain tugas yang semuanya telah dibereskan di waktu siangnya. Oleh kerana ia adalah kerja yang rumit maka ia cepat membosankan. Sebab itulah ia dijalankan secara berkumpulan, kerana masing-masing akan berlumba untuk menyiapkan dan mendahului rakan-rakan yang lain. Hasil anyaman ini biasanya untuk kegunaan sendiri sahaja. Kadangkala ada juga jiran tetangga yang datang mendesak untuk membeli barang sehelai dua. Malahan ada yang menempah awal-awal lagi. Bagaimanapun tikar mengkuang semakin kurang penggunaannya kecuali sewaktu kenduri-kendara.

Ada juga wanita yang menganyam untuk dijual. Misalnya kes Puan Jariah:

yang menggunakan kemahiran kraftangan ini untuk menambah pendapatan keluarga. Beliau membuat anyaman mengkuang dijadikan tudung saji, bag, tikar dan lain-lain lagi. Hasil ini dijual terus kepada karyaneka Negeri, melalui KEMAS di kampung ini.

Berbeza dari Puan Jariah, kebanyakan wanita yang memiliki kemahiran ini melakukannya secara sembilan saja. Ini kerana hasil usaha kegiatan ini terlalu murah dan ini tidak menggalakkan mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh. Sehelai tikar misalnya yang berukuran 10×12 kaki berharga \$20/= sehelai. Sedangkan masa untuk memproses dan menyiapkannya mengambil masa yang lama, sekurang-

kurangnya dalam jangkamasa sebulan untuk sehelai tikar. Sebulan bekerja untuk menyiapkannya dengan hasil \$20/= atau lebih kurang 65 sen sehari. Hasil yang diperoleh tidak sepadan dengan masa dan beban kerja yang dilakukan.

Kemahiran jahit menjahit juga dilakukan untuk menambah punca pendapatan keluarga. Ada sebilangan kecil suri rumah yang menerima tempahan dan mengambil upah membuat pakaian terutama sewaktu menjelang hari raya puasa. Di waktu lain tempahan amat kurang kerana masyarakat kampung tidak seperti penduduk di bandar yang sentiasa mengikuti perubahan fesyen pakaian. Suasana dan pekerjaan di kampung tidak memerlukan mereka berpakaian yang cantik dan baru serta silih berganti. Kebanyakan masyarakat kampung Sungai Buluh, menukar pakaian yang baru setahun sekali sahaja iaitu ketika menyambut hari raya puasa. Walaupun kegiatan menerima tempahan bermusim iaitu setahun sekali, namun wanita tukang jahit ini sedikit sebanyak berupaya mendapatkan wang tambahan untuk menambahkan sumber pendapatan keluarga. Apa lagi menjelang hari raya, bila perbelanjaan keluarga meningkat dari hari-hari biasa dengan persiapan yang berbagai. Dengan upah yang diterima, si isteri dapat menyediakan persiapan yang sewajarnya dan mengurangkan beban dan tanggungan suami. Dari satu segi yang lain punca, ia boleh mengurangkan perbelanjaan kerana tidak perlu menempah pakaian sekeluarga kerana boleh menyiapkannya sendiri.

Terdapat juga suri rumah yang membuat kuih-muih untuk dijual di kedai-kedai kopi atau di kantin sekolah. Walaupun hasilnya tidak seberapa, tetapi ia masih tetap menyumbangkan sesuatu kepada ekonomi keluarganya, sekurang-kurangnya cukup untuk belanja pasar sehari-hari. Pihak pekedai biasanya tidak mahu menerima jualan dalam jumlah yang besar kerana isteri beliau sendiri juga menyediakan kuih-muih untuk dijual. Selain dari nasi lemak, pulut, mee goreng dan kadangkala roti canai, kuih-muih yang disediakan oleh isteri pekedai ialah goreng pisang dan ubi-keledek. Sementara kuih-muih yang dihantar oleh suri rumah ke kedai biasanya ialah karipap, kuih keria, kuih badak, seri muka, kasui, koci (kuaci) dan sebagainya.

Mereka bangun di awal pagi untuk membuat kuih-muih ini. Selain dari itu persiapan awal juga dibuat waktu petang atau malam sebelum masuk tidur. Bagi kuih yang dihantar waktu petang, selepas Zohor yakni selepas makan mereka mulalah memasak atau menggorengnya. Kadang-kala pihak pekedai menentukan apa jenis kuih yang boleh dihantar berdasarkan keinginan sebahagian besar pelanggan dan sama ada kuih tersebut boleh disediakan oleh isterinya atau tidak. Begitu juga dengan jumlahnya. Kuih-muih yang dihantar dijual dengan 20 sen satu. Pihak pekedai mendapat komisen sebanyak 10% untuk setiap kuih yang terjual. Hasil jualan diberi setiap hari atau kadangkala dikumpulkan sehingga 3 atau 4 hari.

Dari segi pemakanan pula, memang menjadi kebiasaan penduduk kampung menanam serba sedikit sayur-sayuran di sekeliling rumah atau di tanah-tanah kosong yang berhampiran juga atas permatang dan busut di sawah mereka. Jenis sayur-sayuran yang biasa ditanam ialah kekacang, bendi, labu, petola, ubi-keledek, serai, kunyit, lada dan berbagai jenis ulam-ulaman dan rempah-rampai yang boleh dicampur dalam masakan.

Satu pemandangan yang biasa di kampung-kampung ialah pokok kelapa. Tiap-tiap rumah mesti ada pokok kelapa di sekitarnya. Jadi mereka tidak perlu membeli kelapa yang merupakan bahan terpenting dalam masakan orang Negeri Sembilan, untuk kegunaan harian. Ada juga yang menjual hasil kelapa yang berlebihan dari kegunaan sendiri, kepada jiran tetangga atau menghantarnya ke kedai dengan harga 40 atau 50 sen sebiji bergantung kepada besar kecilnya buah tersebut. Kadang-kadang terdapat juga 'orang luar' yang datang membeli secara borong. Bila musim buah kelapa banyak, pasaran berkurang dan kaum wanita akan memproses kelapa untuk dijadikan minyak secara tradisional. Tetapi minyak yang dihasilkan bukanlah untuk jualan, hanya untuk kegunaan sendiri sahaja.

Proses membuat minyak bermula dengan mengopek atau mengupas kelapa menggunakan parang. Kadang-kadang ada juga suami membantu kerja-kerja mengopek ini. Setelah itu kelapa diparut atau dimesin menggunakan mesin kelapa sendiri, di kedai atau pun jiran tetangga

yang memilikinya. Kemudian kelapa diramas untuk mengeluarkan santanya sebanyak 3 hingga 4 pusingan. Biasanya dalam proses meramas kelapa ini memerlukan tenaga yang ramai kerana jumlah kelapanya bukan setakat 1 atau 2 biji tetapi kadang-kadang sampai 20 biji. Oleh itu mereka meminta bantuan anak-anak atau jiran tetangga. Bantuan dari jiran tetangga ini kadang-kadang diberi ganjaran berupa minyak yang dibuat atau 'tahi minyak'¹⁰ iaitu bahan baki atau sampingan dari proses membuat minyak. Santan dijerang dalam kuali selama 3 hingga 4 jam bergantung kepada jumlah kelapa. 10 biji kelapa boleh menghasilkan 1 hingga 1½ katil minyak di samping tahi minyak yang boleh dimakan sebagai bahan campuran dalam masakan.

Satu lagi tradisi masyarakat kampung ialah memelihara binatang ternakan terutama sekali ayam, itik. Lain-lain binatang peliharaan ialah angsa, kambing, kerbau dan lembu. Binatang ternakan ini selain untuk makanan keluarga, ada waktunya ia merupakan sebahagian dari sumber pendapatan keluarga. Misalnya, bila dalam keadaan yang terdesak, katakan musim hujan yang berpanjangan menyebabkan para penoreh terhenti sumber pencariannya. Di musim inilah ayam itik atau telornya dijual untuk mendapatkan belanja. Bagi yang menternak kambing, kerbau dan lembu; bila tiba musim kenduri kendara, nikah-kahwin dan hari raya terutamanya, ternakan mereka mendapat pasaran yang baik. Pembeli terdiri dari orang-orang kampung sendiri atau dari kampung yang berdekatan. Seekor kerbau paling kurang harganya

\$800/= seekor bahkan ada yang mencapai \$1,600/=.

Jadi dapatlah dikatakan di sini bahawa pendapatan orang-orang kampung ini terdiri dari sumber yang berbagai yang susah dinilai dengan wang kerana keadaan yang tidak tetap. (Lihat Jadual 1). Yang dijalankan oleh kaum wanita yang kelihatannya seperti melepas-kank batuk ditangga sebenarnya adalah sumbangan mereka yang penting dalam mengurangkan perbelanjaan harian keluarga atau/dan menambahkan sumber pendapatan keluarga. Di samping itu wanita juga berperanan sebagai perancang dan ahli ekonomi yang mentadbir belanjawan keluarganya.

3.2 WANITA SEBAGAI PEKERJA BERGAJI DAN BURUH UPAHAN

Kaum wanita yang tergolong dalam kategori ini terdiri dari mereka yang tidak mempunyai tanah untuk dikerjakan atau memiliki tanah yang tidak sesuai untuk pertanian. Ada yang memiliki tanah sawah misalnya tetapi tidak mengusahakannya kerana tidak mendapat bekalan air atau dari jenis tanah berpasir yang tidak sesuai untuk tanaman padi.

Mereka kemudiannya menyewa sawah orang lain atau bekerja mengambil upah kerja-kerja mengubah dan menuai bila-bila diperlukan. Pekerja upahan untuk proses mengubah dan menuai terdiri dari wanita yang tidak terlibat dalam kegiatan bersawah sepenuhnya. Tetapi ada

\$800/= seekor bahkan ada yang mencapai \$1,600/=.

Jadi dapatlah dikatakan di sini bahawa pendapatan orang-orang kampung ini terdiri dari sumber yang berbagai yang susah dinilai dengan wang kerana keadaan yang tidak tetap. (Lihat Jadual 1). Yang dijalankan oleh kaum wanita yang kelihatannya seperti melepas-kan batuk ditangga sebenarnya adalah sumbangan mereka yang penting dalam mengurangkan perbelanjaan harian keluarga atau/dan menambahkan sumber pendapatan keluarga. Di samping itu wanita juga berperanan sebagai perancang dan ahli ekonomi yang mentadbir belanjawan keluarganya.

3.2 WANITA SEBAGAI PEKERJA BERGAJI DAN BURUH UPAHAN

Kaum wanita yang tergolong dalam kategori ini terdiri dari mereka yang tidak mempunyai tanah untuk dikerjakan atau memiliki tanah yang tidak sesuai untuk pertanian. Ada yang memiliki tanah sawah misalnya tetapi tidak mengusahakannya kerana tidak mendapat bekalan air atau dari jenis tanah berpasir yang tidak sesuai untuk tanaman padi.

Mereka kemudiannya menyewa sawah orang lain atau bekerja mengambil upah kerja-kerja mengubah dan menuai bila-bila diperlukan. Pekerja upahan untuk proses mengubah dan menuai terdiri dari wanita yang tidak terlibat dalam kegiatan bersawah sepenuhnya. Tetapi ada

juga yang terlibat tetapi oleh kerana ingin menambah punca pendapatan keluarga mereka terpaksa berusaha lebih untuk menyiapkan kerja-kerja di sawah mereka lebih awal semata-mata untuk mengambil upah.

Bagi golongan yang pertama tadi, boleh dibahagikan kepada dua kelompok yang lain pula. Yang pertama ialah yang benar-benar memerlukan upah atau ganjaran yang diberikan. Sementara yang satu lagi, bersedia mengambil upah kerana ingin membantu saudara-mara atau jiran tetangga yang rapat yang secara tidak langsung menerima pembayaran dari kerja yang dilakukan tersebut.

Biasanya ganjaran yang diberikan dalam sistem upah ini ialah \$7/= sehari. Bermula dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang, termasuk waktu rihat untuk minum dan makan tengahari.

Terdapat juga kaum wanita yang bekerja sebagai buruh upahan yang menerima ganjaran gaji hari di Rancangan Tanah Belia Seberang Triang.¹⁰ Jenis kerja yang ditawarkan ialah mencangkul rumput atau menerangkan pokok-pokok anak getah dan menabur baja. Sewaktu rancangan tanah ini mula dibuka oleh FELCRA, ramai tenaga buruh diperminta. Jadi ramailah penduduk kampung ini yang sebilangan besar wanita bekerja sebagai buruh upahan pada awal tahun 1970an dulu. Setelah peserta rancangan diterima masuk, sebahagian besar dari buruh tersebut diberhentikan.

Ganjaran yang diberi ialah \$5.50 sehari mengikut bilangan hari bekerja. Lima puluh sen ditolak sebagai bayaran pengangkutan di mana pihak FELCRA mengambil dan menghantar pulang pekerja-pekerja tersebut. Mereka bekerja selama enam jam sehari, Isnin hingga Sabtu. Hari minggu adalah hari kelepasan bagi mereka. Setiap 20hb. tiap-tiap bulan, mereka dibenarkan mengambil 'wang pinjaman' dari majikan mereka. Jumlah yang dibenarkan tidak melebihi \$50/= dan kemudian ditolak dari jumlah gaji mereka pada bulan itu. Mereka menerima gaji bulanan pada 5hb. atau 6hb. setiap bulan.

Golongan wanita yang bekerja untuk mendapat upah ini terdiri dari wanita yang menjadi ketua keluarga. Mereka adalah janda atau balu atau telah ditinggalkan begitu saja oleh suami. Mereka terpaksa bekerja untuk mendapat upah untuk menampung hidup keluarga. Juga termasuk wanita yang masih bersuami tetapi tetap ingin bekerja untuk menambah pendapatan sedang suaminya mempunyai pekerjaan yang bukan bercorak pertanian di luar kampung.

Terdapat satu kes, seorang suri rumah terpaksa bekerja sebagai buruh upah kerana suaminya cacat dan tidak berupaya melakukan kerja-kerja berat. Wanita tersebut,

Puan Azizah terpaksa bekerja sebagai buruh di Rancangan Tanah Belia untuk membantu suaminya menyara keluarga iaitu mendapatkan wang bagi perbelanjaan harian terutama belanja persekolahan anak-anaknya. Sewaktu keluar bekerja, anak-anak yang masih belum bersekolah diserahkan kepada jiran atau adik-adiknya.

3.3 KEMUDAHAN KREDIT TIDAK FORMAL DI KALANGAN WANITA

Dari segi pemilikan harta, masyarakat kampung ini tidak banyak berbeza dengan masyarakat kampung lain. Begitu juga jika dibandingkan dengan masyarakat setinggan Melayu di bandar (Azizah Kassim, 1985). Mereka juga mampu membeli barang-barang yang dianggap mahal jika dibandingkan dengan pendapatan mereka. Apa lagi dengan punca pendapatan yang tidak tetap, mereka tidak berpeluang untuk menggunakan kemudahan kredit secara formal seperti pinjaman dari syarikat kewangan dan bank serta "hire-purchase". Bagaimanapun "hire-purchase" adalah cara yang popular untuk mereka membeli barang-barang perabut rumah seperti kerusi set, televisyen, peti air, dapur gas, meja makan, almari hias dan kenderaan seperti basikal dan motosikal. (Lihat Jadual 4).

Jenis Harta	Peratus Pemilik (%)
Motosikal	72
Kipas Elektrik	56
Peti Ais	32
Televisyen	76
Kusyen Set	60
Mesin Jahit	52
Dapur Gas	10
Dapur Minyak	52

Jadual 4: Pemilikan Harta Dalam Rumah

Selain dari barang-barang di atas mereka juga memiliki barang-barang yang berkaitan dengan wanita secara langsung seperti pinggan mangkuk, periuk-belanga, gelas, mesin parut kelapa (elektrik), permaidani, cadar dan berbagai lagi. Malah untuk kenduri nikah kahwin misalnya kebanyakan mereka tidak perlu lagi meminjam barang-barang di atas untuk kegunaan kenduri tersebut kerana segala-galanya ada di rumah mereka sendiri.

Oleh kerana mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan rendah pula (Lihat Jadual 6), timbul persoalan bagaimana mereka mampu membeli dan memiliki barang-barang tersebut. Sebenarnya mereka

memperolehi barang-barang ini melalui sistem kredit tetapi bukan sistem kredit formal seperti yang telah diterangkan. Mereka mencari saluran kredit lain dan dibentuk dengan memulihkan dan mengubah-suai sistem kredit tradisional orang Melayu luar bandar, serta menerima sistem kredit tidak formal yang disediakan oleh firma perniagaan di bandar.

Sistem kredit tidak formal wujud dalam berbagai bentuk, di antaranya ialah:- (Azizah Kassim, 1984:42).

- a. Pinjaman secara 'kutu'
- b. Sistem belian 'kutu'
- c. Belian melalui 'party' (jamuan)

Ketiga-tiga jenis kredit ini terdapat di kalangan masyarakat di kampung Sungai Buluh, khususnya diamalkan oleh kaum wanita. Sistem kredit ini dikatakan tidak formal kerana tidak melibatkan perjanjian bertulis yang mengikat di antara yang memberi dan menerima kredit. Perhubungan yang wujud berdasarkan sikap percaya-mempercayai antara mereka yang terlibat.

3.3.1 Pinjaman SFcara Kutu

Ia bermula dengan terbentuknya satu kumpulan terdiri daripada orang-orang yang mempunyai hubungan sosial yang rapat, misalnya jiran tetangga atau sanak-saudara. Ahli-ahli kumpulan ini bersetuju untuk mengumpulkan wang pada tiap-tiap bulan dengan jumlah yang tetap. Tiap-tiap bulan seorang ahli kumpulan akan menerima semua wang yang dikumpulkan sehingga semua ahli menerima bahagian masing-masing. Giliran menerima ditentukan secara undi. Namun begitu ada juga unsur timbangrasa di mana mereka yang amat memerlukan, dibenarkan menerima wang tersebut terlebih dahulu.

Terdapat dua kumpulan kutu di kampung ini yang diketuai oleh orang yang sama. Bayaran yang dikenakan setiap bulan ialah \$30/= dan \$50/= bagi satu lagi kumpulan. Bagi satu-satu kumpulan kutu. Seseorang ahli boleh memegang satu saham atau lebih. Ada yang memegang saham dari kedua-dua kumpulan kerana mereka yang menjadi ahli kebanyakannya terdiri dari orang yang sama. Untuk kumpulan kutu \$30/= ahlinya seramai 15 orang dan 10 orang bagi kumpulan kutu \$50/=. Bagi kedua-dua kumpulan ini hanya dua orang lelaki saja yang menganggotainya dan selebihnya wanita.

Kumpulan kutu ini diusahakan oleh seorang ketua yang dipercayai oleh masyarakat untuk mengendalikannya. Selepas satu

kumpulan tamat, akan dibentuk satu kumpulan lain yang anggotanya kebanyakannya terdiri dari orang yang sama juga. Ketua yang telah lama bergeriat dalam usaha ini lebih mengenali dan memahami sikap setiap ahli yang menyertai kumpulan kutu tersebut. Setiap ahli baru yang ingin menyertai kumpulan kutu tersebut, diselidik dan dikaji lebih dulu latarbelakang ekonomi dan peribadinya. Jadi tidak hairanlah jika keahliannya terdiri dari orang yang sama, yang rapat hubungannya antara satu sama lain.

Dalam hal ini, kejujuran dan tanggungjawab ahli adalah penting untuk menjamin nama baik diri dan keluarganya. Melalui institusi kredit tidak formal ini jalinan sosial dapat diwujudkan dan digunakan dalam masa kesusahan di masa depan. Bagi mereka sistem kutu bukan semata-mata kegiatan ekonomi tetapi lebih merupakan satu usaha tolong-menolong.

Wang yang didapati dari kumpulan kutu ini, biasanya digunakan untuk menambah perbelanjaan untuk membaiki rumah atau membina dapur baru, membeli barang-barang seperti perabut, barang kemas dan sebagainya. Atau digunakan juga untuk menampung sebahagian dari perbelanjaan hari raya, kenduri kahwin dan persiapan persekolahan anak-anak di awal tahun.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa ketua kumpulan kutu ini bukan setakat mengusahakan kegiatan ini saja. Beliau juga merupakan tempat mengadu sesak jiran tetangganya terutama dari segi kewangan. Dengan kata lain, beliau ialah tempat meminjam wang tanpa mengenakan bunga, hanya berdasarkan percaya mempercayai antara satu sama lain. Atau kadang-kadang beliau mendahulukan pembayaran saham seseorang ahli kumpulan kutunya jika mereka tidak membayar bagi satu-satu tempoh yang telah ditetapkan bersama setiap bulan. Ada kalanya timbul juga konflik di antara ketua dengan ahli-ahli kumpulan kutunya. Misalnya pihak penerima inginkan wangnya tepat pada hari yang telah ditetapkan tanpa menghiraukan masalah dan kesulitan ketua untuk mengumpulkan wang setiap bulan. Untuk mengatasi masalah ini, biasanya ahli yang lambat bayar atau yang bersungut lambat terima wang akan disingkirkan dari menyertai kumpulan-kumpulan kutu berikutnya.

3.3.2 Sistem Belian Kutu

Sistem ini sama seperti sistem kutu di atas. Biasanya cuma wang yang terkumpul setiap bulan digunakan untuk membeli sejenis barang yang berharga, yang ditetapkan terlebih dahulu oleh mereka yang terlibat. Antara barang-barang ini ialah periuk belanga, cadar, permai-dani, mesin (pengukur) kelapa, pinggan-mangkuk dan lain-lain lagi. Iaitu barang-barang yang biasanya digunakan oleh orang perempuan, sama ada alat keperluan harian atau barang-barang prestij.

Harga belian secara kutu ini biasanya adalah 5% - 10% lebih rendah dari harga jualan di bandar-bandar. Faktor inilah yang mendorong kaum wanita untuk membeli secara kutu ini. Tambahan pula mereka tidak perlu ke bandar yang secara relatifnya agak jauh dari kampung ini hanya untuk membeli barang-barang tersebut. Barang-barang yang diingini dibawa sampai ke pintu rumah, jadi tidak perlu membayar tambang bas atau teksi dan tawar-menawar dengan pekedai yang ada masanya boleh menyebabkan pertengkaran. Dengan cara ini juga mengelakkan kemungkinan berbelanja lebih besar dari yang dirancangkan jika mereka pergi sendiri ke kedai-kedai berkenaan.

Yang pentingnya cara ini membolehkan mereka membayar secara ansur kerana mereka bukanlah mempunyai pendapatan yang tetap setiap bulan untuk membeli secara tunai. Inilah satu-satunya jalan bagi mereka untuk memiliki barang-barang yang diingini.

3.3.3 Belian Melalui 'Parti' (Jamuan)

Cara ini pernah dijalankan satu masa dulu tetapi tidak berpanjangan kerana barang-barang yang dijual adalah mahal. Misalnya pinggan-mangkuk import jenis pyrex, arcoroc dan lain-lain, barang-barang tupperware, alat solek dan berbagai jenis perkakas dapur elektrik seperti periuk yang berbagai guna, pembakar dan pengukus

kuih dan sebagainya. Lagi pun ada di antara barang-barang tersebut tidak sesuai dengan cara hidup mereka, (seperti alat-alat solek). Apa lagi dengan peralatan dapur yang moden kerana kehidupan harian mereka belum sampai ke tahap itu.

Dengan pendapatan yang rendah dan/atau tidak tetap pula menyebabkan mereka tidak mampu membeli barang-barang yang begitu tinggi harganya berbanding dengan kegunaannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Misalnya penggunaan peralatan dapur elektrik terhad pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti untuk buat kuih-muih hari raya. Sedangkan generasi atau golongan tua yang masih tinggal di kampung ini lebih suka mengamalkan cara tradisi membuat kuih-muih tradisional. Dan, satu lagi faktor penting ialah mereka tidak tahu dan takut menggunakan perkakas-perkakas 'complicated' yang menggunakan tenaga elektrik.

3.3.4 Lain-lain Jenis Kredit

Terdapat juga cara lain dari di atas bagi kaum wanita membeli barang iaitu melalui penjaja secara hutang. Penjaja ini biasanya wanita dan menjual barang-barang seperti kain ela, kain batik, kain pelekat, songket, cadar, selendang dan kain tudung. Penjaja ini datang dari luar kampung. Oleh itu dia ada 'kaki'

di kampung ini yang menasihatkannya tentang siapa yang boleh diberi hutang dan siapa tidak serta membantunya memungut hutang setiap bulan. Kadang-kadang kepada 'kaki' inilah diserahkan barang-barang yang hendak dijual dan memungut segala pembayaran. Walaupun harga barang-barang yang dijual lebih mahal dari harga di kedai, tetapi kaum wanita terus berlanggan kerana bayaran secara ansur itu tidak begitu membebankan.

Ramai wanita berpendapat, jika tidak dengan cara berhutang alamat tidak merasalah berpakaian baru atau pun berganti pakaian. Tambahan pula mereka boleh menangguhkan bayaran jika kesempitan wang pada satu-satu ketika, atau membayar sebahagian dari jumlah yang ditetapkan. Oleh kerana tidak ada perjanjian yang resmi tentang pembayaran hutang, penjual tidak dapat memaksa pembeli supaya membayar. Ada juga pembeli yang liat membayar bahkan ada yang tidak membayar langsung tetapi bilangannya adalah kecil atau seorang berdua sahaja.

'Sanction social' menjadi faktor pendorong kepada pembeli menjelaskan hutangnya. Jika tidak dibayar, dia akan dicap tidak amanah dan akan dipulaukan. Perbuatannya itu akan menjadi bahan cerita dan sebutan, seterusnya peluang untuk berhutang menjadi tipis. Jadi, kepercayaan orang lain kepada mereka mesti dijaga dan hutang mesti dijelaskan juga kerana 'berhutang' sudah menjadi sebahagian dari cara hidup mereka.

KESIMPULAN

Walaupun sistem kredit formal juga digunakan untuk membeli barang, namun saluran sistem kredit tidak formal lebih banyak memainkan peranan malah menyeluruh di kalangan kaum wanita khususnya di kampung ini.

Mereka berpendapat dengan cara berhutang ini saja yang memungkinkan mereka memperolehi barang-barang yang diperlukan dan diingini. Dengan adanya kemudahan sistem kredit tidak formal ini semakin meningkatkan proses persaingan dan perlumbaan di kalangan mereka sendiri untuk memiliki barang-barang berharga mahal berbanding dengan pendapatan mereka. Bagaimanapun, ini adalah sebahagian dari kegiatan ekonomi wanita luar bandar di tempat kajian ini dijalankan.

Nota

- 1 'Meluluk' - membalik-balikkan tanah yang sudah dibajak dan dipijak-pijak supaya ia lembut untuk memudahkan proses mengubah dilakukan. Di tempat lain di Negeri Sembilan proses ini disebut juga sebagai 'melunyah'.
- 2 Jadual Kerja Penanaman Padi bagi satu-satu musim penanaman disediakan dan ditetapkan oleh Jabatan Pertanian setelah diadakan perbincangan dengan para petani sendiri.
- 3 Seraya (menyeraya) - sama seperti gotong-royong tetapi ada kalanya diberi ganjaran ala-kadar sahaja.
- 4 Menyulam - proses menggantikan atau menanam semula anak benih yang mati atau diserang musuh.
- 5 Menyabit - proses menuai dilakukan dengan menggunakan sabit untuk memotong padi yang sudah masak.
- 6 Mengangin - proses mengasingkan padi dengan 'hampa' (tidak berisi-ringan). Padi diletak dalam nyiru, diangkat dan digoyang-goyangkan bertentangan dengan arah angin. Padi yang ringan iaitu hampa, akan diterbangkan jauh dan terasing dari padi yang berat (berisi). Ia dilakukan di tengah-tengah sawah atau kawasan lapang supaya senang menentukan arah angin. Sekarang proses ini jarang dilakukan sebaliknya menggunakan kipas elektrik. Cara ini lebih cepat dan berkesan.
- 7 Antah - padi yang terdapat dalam beras.
- 8 Layur - daun mengkuang diletakkan atas bara api sehingga bertukar warna hijau asalnya kehitam-hitaman sedikit supaya daun tersebut lembut.
- 9 Jangka - sejenis alat yang digunakan untuk memotong daun mengkuang memanjang dan kecil-kecil. Mata pisau yang kecil ditanam pada kayu - lima atau enam bilah kemudian diikat dengan dawai
- 10 Rancangan Tanah Belia Seberang Triang ialah satu projek pembukaan tanah rancangan oleh FELCRA. Getah adalah tanaman utama dan projek ini khusus untuk kaum belia seluruh Negeri Sembilan sama seperti rancangan tanah untuk peneroka. Beberapa peneroka untuk mereka yang telah berkahwin dan RIB ini untuk belia yang belum berkahwin.

KEGIATAN WANITA DI PERINGKAT KOMUNITI

Sebagai anggota dalam satu-satu komuniti, individu itu juga mempunyai tugas, peranan dan tanggungjawab terhadap komuniti tersebut. Begitu juga kaum wanita, selepas melihat hak dan tanggungjawab wanita yang telah bersuami dalam rumah tangga dan aktiviti ekonomi, kita akan lihat pula penyertaan mereka dalam komuniti setempat. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan ialah dalam organisasi formal seperti persatuan atau pertubuhan dan kelas-kelas khas yang dianjurkan oleh beberapa agensi kerajaan. Mereka juga terlibat dalam kegiatan sosial seperti kenduri-kendara, gotong-royong, kegiatan bercorak agama dan sebagainya. Penyertaan dalam aktiviti ini menemukannya dengan orang lain dalam komuniti dan dalam hubungan dengan orang lain ini, kerap kali juga berlaku konflik. Bagaimana mereka ini terlibat dalam konflik di antara sesama mereka sendiri akan juga diuraikan.

4.1 ORGANISASI FORMAL

Organisasi formal ialah pertubuhan berdaftar yang mempunyai objektif dan perlombagaan tertentu. Di antara organisasi formal yang terdapat di kampung ini ialah parti-parti politik UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) dan PAS (Parti Islam Se Malaysia), PWPK (Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil), KEMAS (Kelas Kemajuan Masyarakat), PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), Persatuan Belia, Tabung Khairat kematian dan lain-lain lagi.

4.1.1 Politik

Terdapat dua parti politik yang bergerak di kampung ini. Parti-parti tersebut ialah UMNO dan PAS. Di antara kedua-duanya, UMNO lebih berpengaruh dan ramai para penyokongnya. (Lihat Jadual 5). Ini mungkin kerana PAS baru saja mencari pengaruh dan bertapak di sini sejak empat atau lima tahun lalu. Sedangkan UMNO telah ditubuhkan semenjak bermulanya kampung ini, maka sebilangan besar penduduknya adalah ahli dan penyokong setia UMNO.

Para Politik	Bil. Responden	Peratus (%)
UMNO	31	62
PAS	2	4
Tidak menganggotai mana-mana parti tetapi mengundi calon UMNO	13	26
Tidak pernah mengundi dan menganggotai mana-mana parti	4	8
Jumlah	50	100

Jadual 5: Penyertaan Responden dalam Parti-parti Politik

Penyertaan dan keahlian wanita dalam parti politik di pengaruhi oleh keputusan suami mereka. Pola ini jelas kelihatan di kalangan wanita di sini. Walaupun kebanyakan responden lelaki yang ditemui mengatakan, mereka tidak mempengaruhi isteri masing-masing untuk memilih calon mana yang mereka suka dalam proses pengundian pilihanraya. Tetapi pemilihan si isteri tetap bergantung kepada keputusan suami kerana mereka menganggap suami sebagai pemimpin. Oleh itu isteri merasakan mereka harus mengikut keputusan suami dalam hal ini. Bagaimanapun, responden wanita juga mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai UMNO. Mereka mengundi dan menjadi ahli UMNO kerana mereka yakin parti itulah yang memperjuangkan nasib dan hak orang Melayu serta memerintah negara sejak sekian lama.

Dari seranai Ahli Jawatankuasa (AJK) yang diberikan oleh Setiausaha UMNO, semuajawatan tersebut dimonopoli oleh kaum lelaki sahaja. Hanya seorang wakil wanita untuk jawatan Ketua Pergerakan Wanita. Jika dibolehkan jawatan tersebut dipegang oleh lelaki mungkin jawatan inipun akan disandang oleh lelaki dan akan tidaklah wakil wanita dalam pertubuhan tersebut!

Di sini timbul persoalan apakah sebab-sebab yang menghalang penglibatan wanita dalam sebarang kegiatan yang berhubung dengan kepimpinan dan pergerakan seperti ini?

Menurut Mazidah Zakaria (1984) penglibatan seseorang wanita dalam pergerakan bererti menjalankan kegiatan di luar lingkungan rumah tangga iaitu satu perkara yang bertentangan dengan ciri-ciri sifat kewanitaan yang masih dipegang teguh oleh sebahagian daripada masyarakat kita, apa lagi masyarakat kampung.

Tambahan pula penglibatan pergerakan ini bukannya sesuatu yang mesti atau terpaksa seperti melakukan pekerjaan untuk menambah pendapatan keluarga, ia hanya sekadar sukarela sahaja. Ini adalah di antara faktor-faktor yang mengurangkan penglibatan wanita tersebut.

Kekurangan pemimpin di kalangan wanita menyebabkan mereka sendiri lebih suka melantik kaum lelaki sebagai pemimpin atau memegang apa-apa jawatan dalam pertubuhan tersebut. Lagi pun, responden sendiri mengatakan, "susah melantik orang perempuan, kadang-kadang hadir ke mesyuarat dan ada masanya tidak", bergantung kepada keadaan rumah tangga dan keizinan suami masing-masing.

Dalam kegiatan berpersatuan ini, pada hakikatnya wanita hanya berperanan sebagai penyambut tetamu dan menyediakan hidangan untuk makan minum selepas mesyuarat. Kejadian ini sering berlaku bila setiap mesyuarat agung atau perjumpaan UMNO diadakan di kampung ini. Begitu juga bila pemimpin-pemimpin politik membuat lawatan atau

merasmikan apa-apa projek untuk para penduduk kampung.

(1984)

Menurut Nik Safiah, wanita membiarkan diri mereka diketepikan, diberi tugas-tugas yang rendah tarafnya dan sanggup kekal dengan peranan "second class citizen". Dalam mana-mana perjumpaan atau pembahagian kerja, wanita biasanya diberi tugas-tugas tradisional seperti penyambut tetamu, ahli jawatankuasa makanan, penginapan dan sebagainya. Sementara tugas-tugas penting seperti pengurus majlis, pembahas dan sebagainya dipegang oleh kaum lelaki.

Tetapi bila menjelang pilihanraya, kaum wanita lah sasaran kempen yang utama kerana undi mereka adalah penting dan terbanyak, jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Lebih-lebih lagi kaum wanita senang dipengaruhi dari sifat lemah-lebutnya itu. Ramai respondan wanita berkata, mereka suka mendengar ceramah atau kempen pilihanraya tanpa apa-apa tujuan politik tetapi sekadar melepaskan penat-lelah selepas bekerja di siang hari.

4.1.2 Persatuan-persatuan

PIBG merupakan persatuan yang menggabungkan penjaga atau ibu bapa dengan guru-guru sekolah di mana anak-anak mereka belajar. Terdapat 3 pertubuhan yang dianggotai oleh para penjaga tersebut iaitu PIBG Sekolah Kebangsaan Sungai Buluh, PIBG Sekolah Kebangsaan Triang Hilir dan PIBG Sekolah Menengah Triang Hilir dan beberapa PIBG sekolah di luar mukim ini.

Bayaran yang dikenakan termasuk dalam yuran persekolahan anak masing-masing. Setiap mesyuarat yang diadakan, ibu bapa akan diberitahu dan dijemput hadir. Peranan PIBG ini masih belum difahami sepenuhnya oleh kebanyakan penjaga kerana mereka menganggap tugas mendidik anak-anak dalam pelajaran formal terserah kepada guru. Sebab itu masih ramai golongan ibu bapa di sini yang mengatakan tidak perlu perbincangan dan pertukaran pendapat antara guru dengan mereka.

Dalam setiap mesyuarat yang diadakan, lebih ramai kaum lelaki yang menghadirinya. Peranan wanita dalam mesyuarat ini terhad kepada menyediakan hidangan. Dan, tidak seorang pun wanita yang dilantik bagi menganggotai Ahli Lembaga Pengurus Sekolah mahu pun dalam jawatankuasa pertubuhan tersebut.

4.1.3 Tabung Khairat Kematian (TKK)

TKK merupakan kesatuan yang bertujuan untuk membantu keluarga si mati. Bentuk pertolongan yang diberikan berupa bantuan kewangan yang dikutip dari ahli-ahlinya. Tiap-tiap ahli keluarga dewasa yang meninggal dunia, bantuan yang diberikan ialah sebanyak \$100/= dan kanak-kanak \$75/=.

Wang dikutip dari ahli apabila salah seorang daripada ahli pertubuhan ini meninggal dunia, jika orang dewasa yang meninggal, ahli

dikenakan bayaran \$2.50 sen dan jika yang meninggal kanak-kanak bayarannya ialah \$1.50 sen. Setiap bayaran diberi surat atau resit sebagai akuan penerimaan pembayaran.

Apabila ketua keluarga menjadi ahli kesatuan ini, keluarganya berhak menerima bantuan kewangan tersebut. Sekiranya si suami (ketua keluarga) meninggal dunia maka tanggungjawab isteri pula untuk meneruskan keanggotaan dengan melunaskan bayaran yang dikenakan. Di sini keputusan dibuat oleh pihak lelaki tetapi ada juga golongan wanita sendiri yang mendesak atau menasihati suami mereka supaya menganggotainya.

Dengan menjadi ahli TKK ini, walaupun mereka tidak dapat menziarahi keluarga tersebut, misalnya kerana pantang larang penyakit, tidak tahu berita kematian tersebut atau pun tidak ada di kampung semasa kejadian itu berlaku; secara tidak langsung mereka dapat membantu keluarga berkenaan. Bantuan tersebut adalah bantuan kecemasan supaya keluarga berkenaan dapat menyempurnakan jenazah simati dengan segera dan selamat.

4.1.4 Pertubuhan Belia

Di dalam pertubuhan belia pula, iaitu Persatuan Belia Jasa Murni, didapati sebilangan kecil sahaja wanita berumahtangga meng-

anggotainya. Di kalangan respondan yang ditemui tidak seorang pun melibatkan diri dalam persatuan ini. Yang terlibat adalah mereka yang sewaktu belum berkahwin memang bergiat dalam persatuan ini. Bila telah berumahtangga dan mempunyai anak, seorang demi seorang mengundurkan diri. Menurut mereka, tidak ada masa lagi untuk aktif seperti dulu kerana tanggungjawab kepada suami dan rumah tangga, mengatasi yang lain. Lebih-lebih lagi jika si suami tidak menggalakkan atau membenarkan mereka bebas bercampur-gaul dengan anak-anak muda yang lain.

Bagaimanapun, sewaktu kajian ini dilakukan, Persatuan Belia Jasa Murni hanya wujud pada nama sahaja. Tidak ada lagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti mula-mula ditubuhkan 7 atau 8 tahun yang lalu. Keadaan ini kerana ketiadaan pemimpin yang berkalibar dan berminat untuk menggerakkannya.

4.1.5 Lain-lain Persatuan

Lain-lain kesatuan yang ada ialah Syarikat Kerjasama Kemajuan Tanah, Syarikat Kerjasama Kilang Padi dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Keanggotaan kesatuan ini, 93% terdiri dari ketua keluarga iaitu kaum lelaki dan selebihnya wanita. Itu pun kerana mengambil-alih atau menukar nama saham daripada arwah suami mereka dulu.

Bila si suami telah menganggotainya, secara tidak langsung pihak isteri tidak akan terlibat lagi. Bagi mereka, biarlah suami sahaja yang menjadi ahli dan menghadiri mesyuarat agung dan seterusnya menerima risiko untung rugi dari syarikat tersebut setiap tahun.

4.1.6 Kelas KEMAS dan PWPK

Kelas ini dianjurkan oleh pihak RISDA dan KEMAS. Tujuannya ialah untuk mewujudkan semangat kekitaan dan memberi latihan serta bimbingan kepada wanita atau isteri pekebun kecil getah. Mereka digalakkan menggunakan kemahiran kraftangan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga. Bimbingan yang diberikan ialah berkait dengan urusan rumah tangga seperti pemakanan, ekonomi keluarga, kesihatan dan pertukangan tangan menggunakan bahan-bahan tempatan dan sebagainya.

Di antara alat-alat yang dibekalkan oleh RISDA untuk projek ini ialah mesin jahit, dapur gas dan dapur minyak, kuali, periuk-belanga dan lain-lain peralatan. Pihak KEMAS pula menghantar seorang guru yang berkemahiran untuk mengajar dan mengendalikan kelas-kelas ini yang diadakan 3 kali seminggu. Semua peralatan tersebut dan kelas-kelas bertempat di Balairaya kampung itu. Tiap-tiap hari Isnin diadakan kelas memasak, hari Rabu untuk kelas jahitan, sulaman dan gubahan, sementara hari Jumaat untuk kelas kraftangan seperti anyaman dan sebagainya. Kesemua kelas ini diadakan pada waktu petang iaitu

pukul 2.30 hingga 4.30 petang. Keanggotaan adalah terbuka kepada semua wanita sama ada yang sudah atau belum berumahtangga.

Bagaimanapun, projek ini tidak lagi berjalan seperti mula-mula diperkenalkan dulu. Sewaktu mula-mula dulu memang ramai yang datang untuk belajar mahu pun melihat-lihat saja. Lama-kelamaan keanggotaannya terdiri dari anak-anak gadis sahaja. Menurut respondan, perkara-perkara yang diajarkan hanya sesuai untuk persediaan anak-anak gadis memasuki alam rumah tangga. Bagi generasi tua ini, tidak ada gunanya lagi mereka belajar perkara-perkara asas seperti itu. Lebih-lebih lagi penglihatan mereka dah kabur, jari-jari pula sudah keras nak memegang jarum, tambah meneningkan kepala saja. Tambahan pula ada bayaran yang dikenakan untuk mengikuti kelas-kelas tersebut dan terpaksa membeli sendiri bahan-bahan yang hendak digunakan semasa belajar. Dengan ini menambahkan lagi perbelanjaan keluarga mereka.

Sementara respondan yang lain di mana rumah mereka agak jauh dari balairaya mengatakan, soal jarak (1 batu) adalah sebab utama mereka tidak menghadiri kelas PWPK. Berjalan jauh di tengah-tengah panas perkara yang ingin dihindarkan oleh mereka berbanding dengan faedah yang boleh didapati. Apatah lagi bila musim ke sawah tiba, mereka langsung tidak ada masa untuk menyertai kelas-kelas tersebut. Jika di waktu perantaraan sementara menunggu musim bertanam seterusnya, mereka lebih suka berkebun menanam sayur-sayuran. "Kalau berlebih hasilnya boleh juga dijual," kata mereka.

Sementara itu, suri rumah keluarga nuklear pula lebih terhad pergerakan mereka kerana adanya anak-anak yang masih kecil. Jika dibawa bersama menghadiri kelas tersebut pun, mereka tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada apa yang diajarkan.

Mengenai hal ini, kaum lelaki pula berpendapat kelas-kelas tersebut tidak lebih dari perjumpaan sosial semata-mata. Isteri-isteri mereka pergi hanya untuk berborak dengan kawan-kawan dan seterusnya sedikit sebanyak mengumpat dan menjaga 'tepi kain' orang lain. Selepas itu, sebelum pulang ke rumah akan singgah pula ke rumah teman-teman dan jiran tetangga untuk meneruskan perbualan. Oleh kerana itulah, ada para suami yang tidak membenarkan isteri mereka mengikuti kelas-kelas seperti ini. Mereka mengatakan, hanya membuang masa sahaja, lebih baik duduk di rumah menguruskan rumah dan anak-anak.

Hal ini juga tidak banyak bezanya dengan masyarakat Melayu setinggan di bandar-bandar seperti kajian Azizah Kassim (1985). Cuma di sini kaum wanita yang menghadiri kelas-kelas KEMAS dikatakan lebih sebagai tempat untuk menunjuk-nunjuk perhiasan diri seperti solekan, barang-barang kemas, pakaian dan sebagainya. Di kampung kajian, perkara seperti ini walaupun wujud tetapi tidak ketara kerana taraf hidup mereka yang serba sederhana dan kekurangan.

Jadi, itulah sebabnya sambutan terhadap projek RISDA dan KEMAS ini tidak begitu menggalakkan dan kekal lama.

4.2 ORGANISASI TIDAK FORMAL

Hidup berjiran memerlukan kefahaman, kerjasama dan perasaan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam masyarakat Melayu khususnya yang tinggal di kampung-kampung memang terdapat berbagai organasasi tidak formal dalam kegiatan harian mereka. Organisasi inilah yang membantu mewujudkan dan mengekalkan semangat kejiranan dan kekitaan di kalangan mereka. Yang diwarisi dari nenek moyang mereka dulu. Kegiatan harian yang melibatkan organisasi tak formal ini ialah seperti majlis kenduri-kendara, gotong-royong atau berderau, menyeraya dan berbagai-bagai lagi.

4.2.1 Kenduri-kendara

Bila sesuatu kenduri hendak diadakan sama ada secara besar-besaran seperti nikah-kahwin atau sederhana seperti majlis berkhatan atau 'bersunat' mahu pun yang kecil-kecilan seperti 'kenduri doa selamat', tenaga yang banyak diperlukan terutama dalam masak-memasak. Jiran tetangga wanita dijemput untuk membantu dan tolong-menolong dalam kerja-kerja memasak. Biasanya mereka datang dengan membawa buah tangan seperti beras, kelapa, gula, susu, biskut atau kuih-muih dan sebagainya. Juga membawa bersama beberapa peralatan untuk

memasak, selalunya pisau dan nyiru untuk menampi beras.

Di sinilah mereka bertemu dan bercampur-gaul dengan sahabat-handai, jiran-tetangga dan saudara-mara serta saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Pertemuan ini seterusnya menjalin kemesraan dan semangat kekitaan antara mereka. Sewaktu pulang, biasanya dibekalkan dengan makanan atau apa-apa hidangan yang masih ada sebagai buah tangan dan tentunya diiringi dengan ucapan terima kasih oleh pihak tuan rumah. Segala bantuan dan pertolongan yang diberikan bukanlah mengharapkan upah tetapi dibuat secara sukarela untuk memenuhi obligasi sosial. Bila tiba giliran mereka mengadakan apa-apa kenduri nanti, jiran tetangga yang dijemput akan hadir dan memberikan kerjasama yang sama seperti yang mereka lakukan. Hubungan yang wujud sebenarnya adalah hubungan timbal-balik.

4.2.2 Gotong-royong

Gotong-royong bukanlah sesuatu yang asing di kalangan masyarakat Melayu malah memang menjadi amalan hidup mereka, terutama yang tinggal di kawasan luar bandar. Mereka tetap berpegang teguh kepada pepatah yang mengatakan 'yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing'. Oleh itu mereka saling bekerjasama dan bantu-membantu sesama mereka. Gotong-royong adalah satu cara bagaimana

semangat kerjasama ini diamalkan dan dikekalkan. Aktiviti-aktiviti yang biasa menggunakan cara ini misalnya di dalam kegiatan pertanian (seperti yang diterangkan dalam Bab 3), membersihkan kawasan perkuburan, jalanraya kampung dan lain-lain lagi.

Dalam aktiviti seperti ini sekali lagi kaum wanita diberikan tugas tradisi mereka untuk menyediakan hidangan secara gotong-royong dengan wanita yang lain sebagai jamuan selepas bekerja. Tetapi dalam aktiviti pertanian iaitu bersawah padi, kumpulan gotong-royong memang terdiri dari kaum wanita sahaja kerana kerja-kerja mengubah dan mencuci memang khusus dilakukan oleh mereka.

4.2.3 Kegiatan-kegiatan Agama

Kaum wanita juga melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan agama. Mereka turut sama bersembahyang jemaah di surau atau masjid terutama tiap-tiap malam Jumaat. Dalam bulan Ramadhan pula mereka menghadiri sembahyang 'tarawih' dan mengadakan majlis berbuka puasa sama ada di surau atau masjid mahu pun di rumah mereka sendiri. Ketika ini mereka bertemu dan bersama-sama menyediakan hidangan. Seterusnya semangat kerjasama dan persefahaman serta tolak-ansur dapat diwujudkan dengan bergilir-gilir membawa dan menyediakan juadah kuih-muih ke surau. Mereka juga datang mendengar syarahan atau kelas-

kelas agama pada tiap-tiap malam Jumaat di mesjid dan petang Jumaat di surau. Kebanyakan wanita yang hadir ialah dari golongan tua dan kanak-kanak penuntut sekolah. Golongan yang tua dan kanak-kanak lebih bebas bergerak dan kerap kehadirannya kerana mereka tidak lagi mempunyai anak-anak kecil.

Selain daripada mendalami ilmu di bidang agama, mereka juga mengeratkan perhubungan dan persaudaraan seagama dengan ahli-ahli masyarakat yang lain. Sementara dari perlakuan harian mereka juga dapat mewujudkan suasana kemesraan antara satu sama lain. Misalnya, di waktu petang, setelah semua urusan rumahtangga selesai ketika inilah mereka dapat berhat-rehat sambil berjalan-jalan atau berkunjung ke rumah jiran. Ada juga yang duduk berkumpul di halaman rumah dan berbual-bual sambil menunggu masuknya waktu maghrib.

Adakalanya jika mereka menyediakan juadah untuk minum petang yang agak istimewa sedikit seperti bubur pulut hitam, pengat ubi-keledek, berbagai jenis kuih-muih seperti kuaci, lepat, karipap dan lain-lain lagi, makanan ini selalunya dibuat lebih banyak dari yang diperlukan untuk hidangan seisi keluarga. Juadah tersebut diberikan kepada jiran-tetangga, sahabat-handai dan saudara-mara. Keadaan seperti ini akan lebih rancak lagi sepanjang bulan puasa dan dari berbagai jenis hidangan dan juadah pula. Hal ini juga menimbulkan perhubungan timbal-balik di antara mereka. Jiran-tetangga

yang memberi akan menerima balasan pula dengan mengisikan bekas yang digunakan tadi. Perhubungan yang sedia ada akan bertambah erat dan mesra lagi.

Setiap individu sama ada lelaki atau perempuan pasti akan menyertai kegiatan organisasi tidak formal ini bersetujuan dengan bidang masing-masing. Mereka juga mempunyai tujuan akan memperolehi hasil yang sama dari penglibatan tersebut. Tujuan mereka adalah untuk menjamin supaya jalinan sosial dengan rakan-rakan dan jiran-tetangga tidak terjejas. Secara tidak langsung dapat menjaga nama baik diri dan keluarga yang sejak dulu mengamalkan semangat kejiranan dan kekitaan ini. Jalinan sosial ini penting, ia ibarat modal yang telah ditanam. Oleh sebab itu hubungan ini mesti dijaga supaya jalinan sosial ini dapat digunakan dalam masa kesusahan di masa depan. Tambahan pula hidup bermasyarakat, mereka tidak mahu hidup seperti 'kera sumbang' atau pun seperti 'enau dalam belukar'. Mereka yang tergolong dalam kategori ini sudah tentu menerima 'sanction social' dari ahli komuniti yang lain. Biasanya mereka akan dipulaukan.

Kemudahan kredit tidak formal (sila rujuk bab 3) juga merupakan satu kegiatan kerjasama antara ahli komuniti setempat. Seperti juga lain-lain organisasi tak formal, kegiatan ini berasaskan semangat kerjasama dan percaya-mempercayai antara satu sama lain. Malahan ia lebih merupakan satu usaha tolong-menolong sesama sendiri.

4.3 KONFLIK ANTARA WANITA

Selain dari mewujudkan kefahaman, kerjasama dan perasaan saling hormat-menghormati serta pergaulan yang mesra, pertemuan-pertemuan menerusi organisasi-organisasi formal dan tidak formal itu tadi juga menimbulkan konflik di antara sesama mereka khususnya kaum wanita. Dari pertemuan seperti ini malahan pergaulan sehari-harinya, banyak menimbulkan 'gossips' dan 'kata-mengata' dalam perbualan mereka. Kemudian ada pula pihak yang 'sampai-menyampai' dan 'menokok-tambah' cerita yang didengar. Orang yang diumpat atau dikata sepatutnya tidak tahu, jadi tahu. Lalu timbul rasa tidak senang, langsung tidak bertegur sapa di antara pihak yang terlibat. Keadaan ini ada yang berlanjutan beberapa lama dan kalau berbaik pun tidak seperti dulu lagi, masing-masing akan berhati-hati dalam perbualan dan pergaulan dan kemesraan tidak lagi wujud kerana masing-masing pihak saling mencurigai.

Ada juga konflik yang timbul akibat campur tangan dalam pergaduhan anak-anak mereka dengan anak-anak jiran tetangga. Bila anak-anak mengadu tentang perbuatan anak-anak jiran, si ibu tadi langsung tidak menegur jirannya dan melarang anak-anaknya bermain dan bertandang ke rumah jirannya lagi.

Satu lagi konflik ialah apabila adanya perasaan ingin berlumba dan cemburu di atas kelebihan jirannya, yang lain. Bila jiran-

nya membeli perabut baru atau menukar televisyen warna, jiran yang satu lagi dengan perasaan cemburu akan mencebik-cebikkan mulutnya sambil bercerita kepada kawan-kawan yang lain.

Dalam politik kepartian misalnya, Ketua Pergerakan Wanita UMNO yang dilantik bukanlah calon yang disukai oleh semua orang. Yang tidak menyukainya tidak akan menyertai apa-apa rancangan atau aktiviti yang dijalankan oleh beliau. Bagaimanapun di mana-mana pun soal personaliti seseorang pemimpin itu memang biasa dipersoalkan dalam mana-mana parti politik pun.

Oleh kerana kebanyakan penduduk di sini berasal dari dua negeri yang utama iaitu Negeri Sembilan dan Pahang, jadi sedikit sebanyak wujud polarisasi kedaerahan di antara mereka terutama kaum wanita. Ini mungkin kerana loghat pertuturan dan tempat asal yang berbeza. Dilihat dari pergaulan sehari-hari, mereka yang bertutur dalam loghat dan berasal dari tempat yang sama, lebih rapat dan mesra antara satu sama lain. Mereka yang berasal dari Pahang umumnya, kebanyakan mereka mempunyai saudara-mara yang rapat adik-beradik mereka di sini. Hal ini kerana sewaktu mula berhijrah dulu mereka terdiri dari satu keluarga. Jadi sehingga hari ini mereka ada pertalian darah atau bersaudara antara satu sama lain.

Apabila sesuatu gotong-royong atau kenduri diadakan oleh pihak yang satu lagi, maka kaum kerabat dan sahabat-handai mereka lah

yang paling ramai datang, begitu juga sebaliknya. Bagaimanapun hal ini tidak menggugat kesatuan penduduk kampung amnya, kerana kaum lelaki biasanya tidak terlibat dalam konflik seperti ini.

Konflik-konflik yang wujud sebenarnya hanya di antara segelintir kaum wanita sahaja. Selalunya atas perkara-perkara yang dianggap remeh-temeh oleh orang lain, sementara kebanyakan yang lain tidak ambil kisah dengan hal-hal seperti ini - pergaduhan anak-anak, perasaan cemburu di atas kelebihan orang lain dan sebagainya. Kaum lelaki pula biasanya berkecuali dan tidak campur tangan malahan menasihati isteri supaya sentiasa herbaik dengan jiran. Konflik-konflik yang wujud juga sering dirujukkan kepada golongan (wanita) yang tua untuk mendapatkan nasihat dan mencari jalan penyelesaian. Bantuan dan pertolongan yang diberi ialah nasihat dan kadang-kadang sebagai orang tengah untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

RUMUSAN

Setelah melihat peranan, hak dan tanggungjawab serta kedudukan wanita di dalam rumahtangga, ekonomi dan komuniti yang dianggotainya, terdapat kepelbagaian kegiatan yang dijalankan oleh mereka. Didapati dari dulu sampai saat negara kita mencapai kemerdekaan dan seterusnya membangun dengan pesat ketika ini, kedudukan dan peranan mereka masih tidak banyak berubah.

Tugas mereka yang utama adalah sebagai pentadbir dan pengurus rumahtangga dan dengan sendirinya juga pergerakan mereka terhad dalam lingkungan rumahtangga sahaja. Dalam keadaan-keadaan tertentu mereka juga turut mencampuri semua aspek urusan yang lain seperti ekonomi, politik dan sosial. Tetapi penyertaan mereka adalah terbatas disebabkan oleh beberapa keadaan tertentu. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kegiatan wanita dalam ruang 'public'. Antaranya yang dianggap penting ialah taraf ekonomi suami, umur responden dan anak-anak pelajaran dan lain-lain lagi perkara ini akan dibincangkan seterusnya:-

5.1 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERANAN WANITA

5.1.1 Taraf Ekonomi Suami

Pertamanya kita lihat latarbelakang atau taraf ekonomi suami yang rendah atau kemiskinan yang dialami oleh suami adalah faktor utama

yang membawa penglibatan dalam kegiatan ekonomi khususnya. Hal ini juga diperkatakan oleh Judith Law (1970) seperti berikut;

"...husband's earning is a definite predictor as to whether a wife is employed: The lower the husband's earnings, the more likely it is that the wife will be employed."

(Laws J, 1970:17)

Pendapatan (\$)	Bil. Responden	Peratus (%)
Kurang 250	19	38
251 - 500	29	58
501 - 700	2	4
701 - 1000	-	-
lebih 1001	-	-
Jumlah	50	100

Jadual 6: Pendapatan Bulanan Keluarga Responden

Kedudukan ekonomi yang rendah dari bilangan tanggungan yang ramai, maka mahu tidak mahu setiap tenaga yang ada di dalam sesuatu keluarga tersebut terpaksa melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Ini termasuklah anak-anak yang sudah besar atau sudah boleh diharapkan tanpa mengira jantina. Bagaimanapun tenaga isteri menjadi tumpuan yang utama. Jadi,

terpaksa para suri rumah ini pandai-pandai membahagikan masa dan tugas supaya tidak menjelaskan tanggungjawab tradisi dalam rumah-tangga.

5.1.2 Umur Responden

Kreps (1976 hlm. 66) menyatakan bahawa umur adalah di antara angkubah-angkubah penting di samping pelajaran, taraf perkahwinan saiz keluarga dan pendapatan suami yang memegaruhi penglibatan, wanita dalam aktiviti-aktiviti di luar rumah tangga atau tenaga kerja khususnya. Umur yang semakin tua dikaitkan pula dengan taraf kesihatan dan keupayaan, membataskan pergerakan seseorang wanita. Orang-orang tua biasanya melakukan kerja-kerja yang ringan sahaja seperti membersihkan kawasan rumah, menyiram tanaman dan menjaga binatang ternakan. Golongan ini adalah terdiri dari suri rumah sepenuh masa. Tetapi golongan ini jugalah yang lebih suka menyertai kelas atau kegiatan agama kerana tugas dan tanggungjawab terhadap rumah tangga semakin berkurangan.

Umur (tahun)	Bil. Responden	Peratus (%)
kurang 20	1	2
21 - 30	3	6
31 - 40	16	32
41 - 50	17	34
51 - 60	12	24
lebih 61	1	2
Jumlah	50	100

Jadual 7: Purata Umur Responden

5.1.3 Umur Anak-anak

Anak-anak yang masih kecil terutama yang berumur kurang dari enam tahun biasanya adalah faktor penghalang yang utama kepada wanita untuk menceburi apa-apa kegiatan pun. Anak-anak di peringkat ini perlu kan perhatian dan jagaan yang rapi serta pendidikan awal yang sempurna untuk pembesaran yang sihat. Dalam keadaan begini, si ibu terpaksa berfikir beberapa kali sebelum mengambil keputusan ke luar rumah biar pun tujuannya untuk menambah pendapatan keluarga.

Jika mempunyai anak perempuan terutamanya, yang sudah boleh diharapkan, bolehlah anak tersebut mengambil-alih sebahagian dari tugas ibunya mengurus rumah dan adik-adik. Keadaan ini memudahkan wanita tersebut bergerak dalam ruang 'public'. Oleh sebab itulah selalunya wanita dari keluarga extended lebih bebas pergerakannya jika dibandingkan dengan para isteri dari keluarga nuclear. Begitu juga sekiranya ada ibu tua, juga boleh meringankan tugas wanita. Biasanya ibu tua inilah yang membantu sewaktu anaknya bersalin atau sakit, atau menjaga cucu bila anak perempuannya sibuk atau pergi ke mana-mana.

5.1.4 Saiz keluarga

Bilangan anak yang ramai yang masih belum berdikari dan adanya lain-lain tanggungan seperti ibu bapa tua dan adik-adik, sedangkan pendapatan suami tidak dapat menampung hidup sekeluarga, terpaksa lah di isteri juga berusaha meningkatkan taraf hidup keluarganya. Keadaan seperti ini melahirkan isteri yang bekerja sebagai buruh upahan misalnya.

5.1.5 Pelajaran

Latarbelakang pendidikan isteri adalah satu faktor yang membawa kepada corak-corak penglibatan wanita dalam kegiatan sosio-ekonomi pelajaran di sini termasuklah latihan-latihan khusus atau

kemahiran kraftangan tertentu yang dimiliki oleh wanita tersebut.

Di antaranya termasuklah menjahit, memasak, sulam-menyalam, menganyam dan lain-lain kerja pertukangan tangan.

Kemahiran seperti ini banyak menfaatnya kepada kaum wanita.

Aktiviti ini lebih banyak dilakukan di dalam rumah. Jadi ia boleh dibuat secara sambilan di samping mengurus rumah tangga dan menjaga anak-anak. Walaupun ia adalah ciri-ciri kerja dalam ruang 'domestic', tetapi ia boleh menghasilkan pendapatan dan dikatakan sebagai aktiviti ekonomi.

Bagi yang mempunyai pelajaran atau dalam konteks masyarakat kampung Sungai Buloh ini, lulus sekolah rendah sudah boleh memohon kerja sebagai tukang sapu di sekolah-sekolah (lihat Jadual 8). Jika berpelajaran dan berkemahiran, peluang untuk bergiat dalam sektor ekonomi terutamanya lebih terbuka luas. Sebab itulah pihak kerajaan melalui KEMAS dan RISDA menubuhkan Pusat Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) untuk memberi tunjuk-ajar berbagai kemahiran kraftangan kepada wanita luar bandar. Supaya dengan itu mereka dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk meningkatkan taraf ekonomi masing-masing dan penduduk luar bandar amnya.

Tingkat Pelajaran	Responden	Peratus	Suami Responden	Peratus
Tidak bersekolah	20	40	-	-
Sekolah rendah	29	58	48	96
Sek. Men. Rendah	1	2	1	2
Sek. Men. Atas	-	-	1	2
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 8: Taraf Pelajaran Responden dan Suami

5.1.6 Status Perkahwinan

Sama ada seseorang wanita itu masih mempunyai suami atau tidak juga dapat diambil kira sebagai faktor penghalang atau pendorong. Wanita yang menjadi janda atau balu menjadi ketua keluarga dan orang-orang ini biasanya tidak memiliki sumber pendapatan sendiri. Maka terpaksa mereka bergiat di bidang ekonomi untuk mencari rezeki penyambung hidup. Jika dibandingkan dengan wanita yang masih mempunyai suami sebagai tempat bergantung dan berlindung, wanita dari golongan di atas lebih berkemungkinan untuk terlibat dalam aktiviti ekonominya khususnya dan ruang public umumnya.

5.1.7 Sikap dan Pandangan Suami

Akhir sekali sikap dan pandangan suami serta masyarakat keseluruhannya perlulah dititikberatkan untuk membebaskan mahu pun membataskan kegiatan para isteri dalam hal-hal yang berkaitan dengan ruang 'public'. Ada suami yang lebih suka isterinya duduk di rumah saja, mengurus rumah dan menjaga anak-anak. Tidak kurang juga yang menggalakkan si isteri supaya bercampur-gaul dengan masyarakat dan turut serta dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Sementara itu ada juga yang memegang prinsip, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, yakni mereka tidak membantah atau menghalang jika isteri ingin membantu meningkatkan kesejahteraan keluarga. Asal saja tugas dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dibereskan lebih dulu dan tidak diabaikan begitu saja.

5.1.8 Sikap dan Pandangan Masyarakat

Pandangan masyarakat pula mengenai penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti di luar rumah tangga adalah berbagai. Bagi masyarakat kampung Sungai Buloh ini, wanita yang bergiat dalam bidang ekonomi bukanlah fenomena yang baru kerana pekerjaan yang dibuat lebih ber-corak tradisional, tidak ada pantang larang yang menghalang wanita dari terus bekerja sebagai buruh upahan untuk membantu suami mereka.

Masing-masing menyedari bahawa hidup di kampung mestilah saling bantu-membantu antara satu sama lain, lebih-lebih lagi dalam hubungan suami isteri. Tambahan pula sumber pendapatan di kampung terdiri dari punca yang berbagai, tidak bertumpu pada satu-satu aktiviti saja.

Umpamanya menoreh getah. Bila musim hujan tiba, punca pencarian suami akan terhenti buat sementara waktu. Jika isteri ada kegiatan ekonomi yang tersendiri seperti membuat kuih-muih untuk jualan, bebanan suami dapat dikurangkan.

KESIMPULAN

Dari kajian yang dilakukan nyatakan bahawa peranan wanita Melayu luar bandar dalam sosio-ekonomi memperlihatkan pertalian yang erat dengan fungsi biologinya. Dengan kata lain faktor biologi masih membentenggu kaum wanita dalam ruang private. Hal ini dapat dilihat dalam Bab 2 di mana keutamaan tugas mereka adalah di sekitar suami dan anak-anak.

Dapat juga dilihat bagaimana pola-pola keluarga sama ada extended atau naklear boleh mempengaruhi peranan seseorang wanita itu. Suri rumah di dalam keluarga nuklear mempunyai tanggungjawab yang lebih berat jika dibandingkan dengan suri rumah dalam keluarga extended. Di dalam keluarga extended biasanya terdapat ibu tua dan/atau anak-anak perempuan yang telah besar. Jadi, kerja-kerja rumah tangga boleh diagih-agihkan atau diambil-alih oleh anggota-anggota keluarga tadi. Tugas memelihara dan mendidik anak-anak yang sudah besar tidak seperti memelihara anak-anak kecil. Sementara wanita di dalam keluarga nuklear pula, peruntukan masa dan tugas lebih tertumpu kepada rumah-tangga dan anak-anak yang masih kecil. Keadaan ini membataskan pergerakan dan penglibatan mereka di luar dari ruang 'private'.

Pola-pola keluarga dalam masyarakat kampung Sungai Buloh ini tidak banyak bezanya dengan bentuk-bentuk yang didapati oleh Michael Swift (1965) yang mengkaji masyarakat petani Melayu di Jelebu.

Dari Bab 3 didapati selain dari kekal melakukan tugas-tugas 'private', wanita juga turut serta dalam lain-lain kegiatan yang terdapat di ruang 'public'. Dalam masyarakat petani seperti kampung kajian ini, kaum wanitanya sama-sama aktif dalam aktiviti ekonomi terutamanya bersawah padi. Bersawah padi di sini bukan saja untuk memenuhi keperluan sendiri tetapi juga untuk jualan. Bagaimanapun wanita hanya berperanan sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji sahaja. Atau dengan kata lain penglibatan mereka di sektor ekonomi sebenarnya bukanlah untuk menguasai bidang itu sepenuhnya. Sebaliknya hanyalah untuk sama-sama memainkan peranan meningkatkan kesejahteraan keluarga masing-masing.

Lebih-lebih lagi agama Islam itu sendiri mewajibkan setiap wanita Islam supaya taat setia kepada suaminya malah, kalau suaminya seorang yang miskin sehingga tidak dapat memberi nafkah secukupnya, dia lah yang bertindak berusaha menutup malu suaminya itu. (Aziz Ujang, 1975).

Dari kajian yang dilakukan oleh Dr. Azizah Kassim untuk tesis masternya mengenai kedudukan wanita dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan (1970), pengkaji dapati tidak banyak bezanya peranan dan kedudukan wanita 15 atau 20 tahun dulu dengan wanita sekarang khususnya wanita luar bandar di Negeri Sembilan. Dari kajian beliau di

Mukim Seri Menanti, selain dari melakukan kerja-kerja rumah tangga, mereka juga terlibat dalam aktiviti ekonomi terutama bersawah padi lain-lain kegiatan ekonomi juga sama seperti kemahiran kraftangan iaitu menganyam, menjahit yang dibuat secara sambilan sahaja. Ini kerana hasil usaha kegiatan-kegiatan tersebut terlalu murah dan seterusnya tidak menggalakkan mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh.

Keadaan ini tidak saja wujud dalam masyarakat Melayu, bahkan bangsa-bangsa lain di negara kita ini. Misalnya satu kajian yang dilakukan oleh Hanafi Dollah terhadap komuniti Cina di tebing Sungai Kelantan (1978). Ciri persamaannya ialah kawasan kajian adalah kawasan luar bandar. Beliau dapati, dalam masyarakat Cina tersebut, rumah-tangga merupakan unit pengeluaran yang penting dan pembahagian kerja tidak begitu ketara antara lelaki dan perempuan. Aktiviti menanam tanaman seperti bersawah padi, menoreh dan urusan jualbeli boleh dilakukan oleh lelaki dan perempuan. Sementara menjahit, memasak dan membasuh dilakukan oleh kaum wanita dan memburu serta membajak hanya dilakukan oleh pihak lelaki.

Kesimpulan dari Bab 4 didapati walaupun faktor biologi membataskan pergerakan mereka di luar ruang private, ciri-ciri budaya masyarakat Melayu masih terus diamalkan. Semangat kekitaan, gotong-royong dan pergaulan serta perhubungan di peringkat komuniti terus wujud dan dipertingkatkan. Ini dilakukan dengan menyertai kegiatan-kegiatan

organisasi formal dan organisasi tidak formal seperti pertubuhan politik iaitu UMNO, persatuan, kenduri-kendara, gotong-royong dan sebagainya.

Melalui pertemuan dan pergaulan dengan masyarakat sekeliling tidak dinafikan juga, timbulnya konflik di antara mereka. Bagaimanapun konflik ini tidaklah membawa kepada keretakan perpaduan dan perpecahan masyarakat.

Berhubung dengan tugas-tugas di dalam ruang 'domestic' terutama aspek biologi, memanglah ia satu ketentuan dan ketetapan yang tidak boleh diubah dan disangkal lagi.

Sebagai rumusannya, walaupun wanita terus dibelenggu oleh fungsi biologinya tetapi terdapat banyak faktor atau aspek lain yang turut mempengaruhi peranan mereka dalam sosio-ekonomi. Ada faktor yang menggalakkan penyertaan mereka dalam sesuatu aktiviti dan dalam masa yang sama juga wujud faktor yang menghalang. Perbezaan yang nyata peranan dan tanggungjawab seseorang suri rumah itu bergantung kepada jenis keluarga yang dianggotainya sama ada keluarga extended atau keluarga nuklear.

BIBLIOGRAFI

- ABDULIA MAUDUDI, Purdah and the Status of Women in Islam, Islamic Publication Ltd. Lahore, Pakistan, 1980.
- AZIZAH KASSIM, "Kemudahan Kredit Tidak Formal di Kalangan Wanita Setinggan". Bingkisan Pertiwi. Jilid 8, 1984.
-, Wanita dan Masyarakat, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985.
- DJAMOUR, J., Malay Kinship and Marriage in Singapore. The Athlone Press, University of London, 1965.
- FIRTH, RAYMOND, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd., London, 1946.
- FRIEDL, E., Women and Men. An Anthropologist View, Holt Rinehart & Loinston, U.S.A., 1975.
- GOULDNER, W. ALVIN, Modern Sociology: An Introduction to the Study of Human Interaction, United State of America, 1963.
- HUBER, J., Changing Women in a Changing Society, University of Chicago Press, Chicago & London. 1973.
- IGLEHART P. ALFREDA, Married Women and Work. The University of Michigan, D.C. Health & Company, Toronto, Canada, 1979.
- KREPS, J. M., Women and American Economy, Prentice - Hall Inc., New Jersey, 1976.
- LAWS, J. LONG, The Second X : Sex Role and Social Role, Elsevier North Holland, Inc., New York, 1979.
- LEE FOOK ON, "Wanita Tidak Berminat Jadi Pemimpin Belia?", Utusan Malaysia, 20hb. November 1985.
- LINTON, R., The Study of Men, Appleton - Century - Crofts, New York, 1964.
- MURDOCK, P. GEORGE, Social Structure, The Macmillan Company, New York, 1949.
- NYE, IVAN F. & BERARDO, M. FELIX, The Family Its Structure and Interaction. The Macmillan Company, New York, 1973.

- RAHIMAH AHMAD, "Wanita dan Pendidikan", Bingkisan Pertiwi,
Jilid 8, 1984.
- ROSALDO, M. Z. & LAMPHERE, L. (ed.), Women, Culture and Society,
Stanford University Press, Stanford, California, 1974.
- ROTHBLATT, N. DONALD, The Suburban Environment and Women, Praeger
Publishers, New York, U.S.A., 1979.
- SWIFT, M., Malay Peasant Society in Jelebu, Athlone Press, London,
1965.
-, "Man and Women in Malay Society", Women in the New
Asia: The Changing Roles of Men and Women in South East
Asia", Barbara E. Ward, UNESCO, Paris, 1963.
- SYED HUSSIN ALI, Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur, 1979.
-, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia.
Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1979.
- WEIL, M.M., An Analysis of the Factors Influencing Married Women's
Actual or Planned Work Participation, American Sociological
Review, Vol. 26, August 1961.
- WILLIAMS, J.C. & PLEANNER, M.R., "Women Farmers: Their Position
in Malaysian Rural Society". Manusia dan Masyarakat, Jabatan
Antropologi dan Sociologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
1981.
- WINCH, I. ROBERT, The Modern Family, Holt, Rinehart & Winston Inc.,
New York, 1971.

BAHAN-BAHAN TIDAK DITERBITKAN

ASIS UJANG, Penyesuaian Adat dan Syara' bagi Kedudukan Wanita Beradat Pepatih di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

AZIZAH KASSIM, Kedudukan Wanita Di dalam Masyarakat Melayu Beradat Pepatih di Negeri Sembilan, (Tesis M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

....., Politics of Accommodation: A Case Study of Malay Squatters in Kuala Lumpur, (Tesis Ph. D) School of Oriental and African Studies, University of London, 1985.

AZIZ MOHAMAD, Penyertaan Wanita di dalam Pembangunan Tanah di RTB Bukit Rambai, Segamat, Johor, Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

FADZIL MUSTAPHA, Peranan Wanita di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading, Terengganu, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

HANAPI DOLLAH, Komuniti Cina Kampung di Tebing Sungai Kelantan: Satu Kajian Cara Hidup Kelompok Yang Berasimilasi Dengan Masyarakat Melayu, (Tesis M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.

MAZIDAH ZAKARIA, Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Changkat Larang, Kawasan Simpang Melayu Perak, (Tesis M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

NIK SAFIAH KARIM, 'Rancangan Melahirkan Pemimpin Wanita Masa Kini dan Akan Datang', Persidangan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Peringkat Kebangsaan, 1984.

RAMDZAN CHALI, Kedudukan dan Peranan Wanita Di dalam Islam dan Adat Pepatih Serta Realitinya di dalam Konteks Masyarakat Melayu Beradat Pepatih di Nerasau, Rembau, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

ROKIAH TALIB, Komuniti Melayu Bandaran, (Tesis M.A.),
Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, 1969.

ROSNAH TAHIR, Penyertaan Politik di Kalangan Wanita Melayu,
Satu Kajian Kes Ke atas Kegiatan Pergerakan Wanita
UMNO, Cawangan Kg. Baharu, Latihan Ilmiah, Jabatan
Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala
Lumpur, 1977.

WAN MAHZUM AHMAD SHAH, Penyertaan Wanita Melayu Dalam
Pergerakan Wanita UMNO di Kg. Baharu, Pulau Pinang,
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

Laporan Akhir Projek DELSILIFE 1984.